




APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



Edisi Khas Sempena Hari Kebangsaan Ke-68 | Special Edition in Conjunction with the 68th Independence Day



ISI KANDUNGAN

Table of Content

SOROTAN | HIGHLIGHT

 M/S 3

Sesi Perbincangan Pertama dan Kedua RMK13

First and Second Discussion on RMK13

 M/S 6

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Bersama Ahli-Ahli Parlimen

Policy Focus Group Discussions on RMK13 with The Member of Parliament

 M/S 10

Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 & Perjumpaan Bersama YAB Perdana Menteri Malaysia

The Budget Engagement Session 2026 & Meeting with the Prime Minister of Malaysia

 M/S 4

Persidangan Pengajian Malaysia Antarabangsa ke-14 (MSC14)

14th International Malaysian Studies Conference (MSC14)

 M/S 7

Forum Pelbagai Pihak Berkepentingan ASEAN mengenai Kelestarian

ASEAN Multi-Stakeholder Forum on Sustainability

 M/S 11

Lawatan Pemetaan Isu

Issue Mapping Visit

 M/S 5

Lawatan Rasmi Prof Dr. Muhammad Yunus ke Malaysia

Official Visit of Prof Dr Muhammad Yunus to Malaysia

 M/S 8

Peningkatan Impak melalui Pemerkasaan Mampan (RISE) 2025: Pembangunan Kapasiti untuk Rakan Solusi APPGM-SDG

Rising Impact through Sustainable Empowerment (RISE) 2025: Capacity Building for APPGM-SDG Solution Providers

AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

 M/S 14

ZON UTARA

Northern Zone

 M/S 20

ZON TENGAH

Central Zone

 M/S 24

ZON PANTAI TIMUR

East Coast Zone

 M/S 30

ZON SELATAN

Southern Zone

 M/S 38

WILAYAH SARAWAK

Sarawak Region

 M/S 44

WILAYAH SABAH

Sabah Region

PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG

| MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS


- **PUSAT MYSDG UNTUK RANGKUMAN SOSIAL | MYSDG CSI** M/S 49
- **AKADEMI MYSDG & KOMUNIKASI KORPORAT | MYSDG ACADEMY & COMMS** M/S 50
- **JABATAN PENYELARASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION** M/S 57
- **JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT** M/S 60
- **JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTION DEPARTMENT** M/S 65
- **JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY** M/S 69
- **PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT** M/S 71

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

- **PROGRAM AKAN DATANG | UPCOMING PROGRAMME** M/S 79



Sesi Perbincangan Pertama RMK13 (Fizikal)
First Discussion RMK13 (Physical)



Sesi Perbincangan Kedua RMK13 (Atas Talian)
Second Discussion RMK13 (Online)

2 & 23.8.2025

Sesi Perbincangan Pertama dan Kedua RMK13

First and Second Discussion on RMK13

Pada 2 Ogos di RUANG@APPGM-SDG, satu perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) telah diadakan. RMK-13 menjadi dasar pembangunan penting untuk lima tahun akan datang dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). APPGM-SDG, berbekalkan pemetaan isu sosioekonomi dan alam sekitar di 143 kawasan parlimen, berperanan memastikan suara akar umbi diterjemahkan dalam dasar nasional. Perbincangan ini menghimpunkan rakan jaringan, akademia, NGO, sektor swasta dan pemimpin komuniti. Susulan itu, APPGM-SDG menganjurkan sesi dalam talian bersama Dr Khairil, Dr Teo Sue Ann, En. Paniir dan Zoel Ng, dengan lebih 30 peserta berkongsi pandangan untuk memperkuuh sokongan kepada komuniti rentan melalui RMK-13 pada 23 Ogos 2025

On 2 August at RUANG@APPGM-SDG, a discussion on the 13th Malaysia Plan (RMK-13) was held. RMK-13 serves as a key national development policy for the next five years in advancing the Sustainable Development Goals (SDGs). With its mapping of socio-economic and environmental issues across 143 parliamentary constituencies, APPGM-SDG plays a vital role in ensuring grassroots voices are reflected in national policies. The session gathered network partners, academia, NGOs, private sector, and community leaders. Following this, an online session was organised with Dr Khairil, Dr Teo Sue Ann, Mr. Paniir, and Zoel Ng, where over 30 participants shared insights to strengthen support for vulnerable communities through RMK-13 on 23 August 2025



Sesi Perbincangan Pertama RMK-13 (Fizikal)
First Discussion RMK-13 (Physical)



Sesi Perbincangan Kedua RMK-13 (Atas Talian)
Second Discussion RMK-13 (Online)





12-13.8.2025

Persidangan Pengajian Malaysia Antarabangsa ke-14 (MSC14)

14th International Malaysian Studies Conference (MSC14)

Sebanyak 146 kertas jurnal telah dibentangkan dalam 36 sesi panel sepanjang program MSC14 yang telah dianjurkan di Kuching dengan tema Pembangunan Mampan, Kerentenan dan Daya Tahan: Malaysia dan ASEAN. Persidangan ini telah mengumpulkan 300 peserta termasuk ahli akademik antarabangsa daripada Indonesia, Jepun, China, Azerbaijan, Nigeria, Singapura dan Amerika Syarikat. Sesi persidangan ini juga turut disertai oleh ahli akademik yang terkemuka seperti Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria, Prof. Syed Farid Alatas, Prof Dato' Dr Rashila Ramli, Prof. Jomo Kwame Sundaram dan ramai lagi. Persidangan ini merupakan satu program anjuran bersama dengan APPGM-SDG, semasa persidangan ini pihak APPGM-SDG telah menganjurkan satu sesi sidang meja bulat (RTD) dengan tajuk penyetempatan SDG di Malaysia: Pengajaran daripada negeri Sarawak dan refleksi nasional selepas lima tahun yang telah dipengerusikan oleh Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria dan disertai oleh Dr. Khairil, Dr. Teo Lee Ken dan Encik Paniir yang telah membentangkan kertas kajian mereka yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada perbincangan dan pertukaran idea berkenaan pembangunan mampan di Malaysia dan seluruh wilayah ASEAN.

A total of 146 papers across 36 panels were presented at MSC14, held in Kuching under the theme Sustainable Development, Vulnerability and Resilience: Malaysia and ASEAN. The conference brought together over 300 participants, including international scholars from Indonesia, Japan, China, Azerbaijan, Nigeria, Singapore and the United States. The event was graced by eminent scholars such as Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Prof. DDJ), Prof. Syed Farid Alatas, Prof Dato' Dr Rashila Ramli, Prof. Jomo Kwame Sundaram, among many others. APPGM-SDG is proud to be one of the co-organisers and sponsors of MSC14. We also hosted a Roundtable Discussion (RTD) on Localising the SDGs in Malaysia: Lessons from Sarawak and National Reflections after Five Years, moderated by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. In addition, Dr. Khairil, Dr. Ken, and Mr. Paniir presented their research papers, contributing to the rich exchange of ideas on sustainable development in Malaysia and the wider ASEAN region.





13.8.2025

Lawatan Rasmi Prof. Dr. Muhammad Yunus ke Malaysia

Official Visit of Prof Dr Muhammad Yunus to Malaysia

Ketua Penasihat Kerajaan Bangladesh, Prof Dr Muhammad Yunus, berada di Malaysia bagi lawatan rasmi selama tiga hari, di mana beliau telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang perniagaan sosial. Selepas majlis tersebut, satu sesi interaktif kecil telah diadakan di Hotel Zecon, Kuala Lumpur yang dianjurkan bersama oleh UKM dan Yunus Social Business Centre. Datuk Dr Denison Jayasooria dan Puan Rahmah Othman turut berkesempatan menyertai sesi ini. Menurut Datuk Dr Denison, meskipun kini dikelilingi pegawai kerajaan dan pengawal peribadi, Prof Yunus masih menampilkan sifat rendah diri serta kepimpinan berjiwa rakyat. Dalam perbincangan, Prof Yunus menekankan bahawa kapitalisme akan menuju kehancuran sekiranya hanya berorientasikan keuntungan tanpa mengambil kira aspek sosial dan alam sekitar. Beliau menggesa supaya teknologi dimanfaatkan untuk melahirkan pencipta pekerjaan, bukan sekadar pencari pekerjaan. Satu teladan kehidupan yang wajar dicontohi semua ahli akademik—daripada dunia ilmu ke impak di peringkat akar umbi.

Prof Dr Muhammad Yunus, Chief Adviser of the Government of Bangladesh, made an official three-day visit to Malaysia, during which he was conferred an Honorary PhD in Social Business. Following the ceremony, a smaller interactive session was held at Zecon Hotel, Kuala Lumpur, co-organised by UKM and the Yunus Social Business Centre. Datuk Dr Denison Jayasooria and Puan Rahmah Othman had the privilege to participate. Datuk Dr Denison observed that although Prof Yunus is now surrounded by government officials and bodyguards, he remains the same humble and people-centred leader. During the dialogue, Prof Yunus emphasised that capitalism is on a path of self-destruction if it focuses solely on profits without social and environmental concerns. He urged us to leverage technology to become job creators rather than job seekers. His life journey stands as a testimony for academics to emulate—impacting not only the academic world but also grassroots communities.





**14, 18, 20 & 21
Ogos 2025**

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Bersama Ahli-Ahli Parlimen

Policy Focus Group Discussions on RMK13 with The Member of Parliament

Jabatan Advokasi Dasar Parlimen (PPAD) melalui APPGM-SDG telah menganjurkan siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar di Parlimen bertemakan Golongan Tanpa Dokumen, Keterjaminan Makanan (Pertanian & Perikanan), Kebajikan & PDK serta Komuniti Pulau-Pulau Kecil. Sesi ini telah menghimpunkan Ahli Parlimen, Wakil Kementerian dan agensi, pakar subjek dan masyarakat sivil bagi membincangkan isu kritikal. APPGM-SDG melalui PPAD bukan sahaja menganjurkan, tetapi juga memantau status isu dan memastikan hasil perbincangan diterjemah kepada dasar melalui Jawatankuasa APPGM-SDG di Parlimen, selaras dengan komitmen RMK-13 dan prinsip SDG. Antara fokus termasuk akses pendidikan untuk komuniti tanpa dokumen, inovasi keterjaminan makanan, ekosistem penjagaan inklusif PDK, serta pembangunan komuniti pulau kecil. APPGM-SDG kekal komited agar tiada komuniti terpinggir dalam pembangunan negara.

Through APPGM-SDG, PPAD convened Policy Focus Group Discussions in Parliament on Undocumented People, Food Security (Agriculture and Fisheries), Welfare & PDK, and Small Island Communities, gathering MPs, ministries, agencies, experts and civil society. Beyond dialogue, APPGM-SDG monitors these issues and ensures outcomes are translated into policy via the APPGM-SDG Committee in Parliament, aligned with RMK13 and the SDGs. Key themes included education access for undocumented communities, food security innovation, inclusive national care ecosystem through PDK, and sustainable development for small island communities. APPGM-SDG remains committed to ensuring no community is left behind.





21.8.2025

Forum Pelbagai Pihak Berkepentingan ASEAN mengenai Kelestarian ASEAN Multi-Stakeholder Forum on Sustainability

Dr. Khairil mewakili Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari telah menghadiri Forum Pelbagai Pihak Berkepentingan ASEAN mengenai Kelestarian yang berlangsung di Bangkok. Pada sesi panel Voluntary National Review (VNR), beliau turut menyampaikan intervensi mewakili APPGM-SDG. Penyertaan ini menekankan kepentingan penglibatan Malaysia dalam dialog serantau, khususnya dalam memperkuuh amalan kelestarian dan pengelokalan SDG. Kehadiran APPGM-SDG di pentas ASEAN mencerminkan komitmen untuk membawa suara komuniti dan dasar berdasarkan bukti ke peringkat antarabangsa.

Dr. Khairil represented Society for Promotion of SDGs (PPMPL) represented APPGM-SDG at the ASEAN Multi-Stakeholder Forum on Sustainability held in Bangkok. During the Voluntary National Review (VNR) panel, he delivered an intervention reflecting Malaysia's perspectives and experience. The engagement highlighted the importance of regional cooperation in advancing sustainability and localising the SDGs. APPGM-SDG's participation at this platform reinforces our commitment to bring community voices and evidence-based policy insights into the regional and global arena.





22-24.8.2025

Peningkatan Impak melalui Pemerkasaan Mampan (RISE) 2025: Pembangunan Kapasiti untuk Rakan Solusi APPGM-SDG

Rising Impact through Sustainable Empowerment (RISE) 2025: Capacity Building for APPGM-SDG Solution Providers

Program RISE 2025 telah berlangsung selama tiga hari di Dorsett Putrajaya sebagai platform pembangunan kapasiti untuk Rakan Solusi APPGM-SDG dan penerima manfaat mereka daripada projek Keterjaminan Makanan serta Pembangunan Berasaskan Komuniti. Dengan tema "Rising Impact through Sustainable Empowerment", program ini memberi penekanan kepada perkongsian pengalaman, pembelajaran daripada pelaksanaan, serta hala tuju baharu dalam memperkuuh inisiatif SDG di peringkat akar umbi. Pelancaran rasmi disempurnakan oleh YB Rushdan, Ahli Parlimen Padang Besar merangkap Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG. Kehadiran beliau menzhirkan komitmen APPGM-SDG dalam memperkuuh penyertaan komuniti sebagai rakan strategik dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Sepanjang program, para peserta berpeluang membincangkan cabaran, berkongsi amalan terbaik, dan merangka strategi bersama bagi meningkatkan keberkesanan projek masing-masing. Terima kasih kepada semua Rakan Solusi, penerima manfaat, dan rakan kerjasama yang telah menjayakan RISE 2025.

RISE 2025 was held over three days at Dorsett Putrajaya as a capacity-building platform for APPGM-SDG Solution Providers and their beneficiaries from Food Security and Community-Based Development projects. With the theme "Rising Impact through Sustainable Empowerment", the programme emphasised experience sharing, lessons learnt, and exploring new directions to strengthen SDG initiatives at the grassroots level.

The programme was officially launched by YB Rushdan, Member of Parliament for Padang Besar and a Member of the APPGM-SDG Committee. His presence reaffirmed the commitment of APPGM-SDG to strengthening community participation as a strategic partner in achieving the Sustainable Development Goals (SDGs). Throughout the programme, participants discussed challenges, exchanged best practices, and charted collective strategies to enhance project impact. Sincere appreciation goes to all Solution Providers, beneficiaries, and partners for making RISE 2025 a success.





RISE 2025 was officially officiated by YB Tuan Rushdan Rusmi, Member of Parliament for Padang Besar and Committee Member of APPGM-SDG. The ceremony was subsequently graced with remarks by Mr. James Ryan Raj, Acting Deputy Executive Director of APPGM-SDG, and witnessed by Puan Ara, Director of Project Management; Ms. Rachel Tan, Director of Finance; Dr. Thanaraj, Head of the North Zone; and Dr. Siti, Head of the East Coast Zone.



The panel sessions were held to showcase successful projects and solution providers who demonstrated exemplary project management in the previous year, involving solution providers under APPGM-SDG as well as initiatives by local coordinators. The sessions were also moderated by Dato' Sri Mustapha Mohamed and Puan Ara in their respective sessions.



RISE 2025 also featured group discussions through roving workshops, where solution providers shared their best practices, challenges, and strategies for overcoming obstacles. These peer-learning sessions promoted cross-regional knowledge exchange.



Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 & Perjumpaan Bersama YAB Perdana Menteri Malaysia

22-24.8.2025

The Budget Engagement Session 2026 & Meeting with the Prime Minister of Malaysia

Pada 7 Ogos 2025, APPGM-SDG telah menyertai Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 di Kementerian Kewangan, Putrajaya. Penyertaan ini diwakili oleh Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Puan Rahmah Othman sebagai satu platform penting untuk organisasi masyarakat sivil memberikan input terhadap belanjawan negara. Dalam kesempatan ini, Puan Rahmah berjaya bertemu dengan YAB Perdana Menteri Malaysia dan menyerahkan Laporan Tahunan APPGM-SDG 2024, selain turut menyampaikan maklumat kepada YBhg. Datuk Johan Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Beliau juga berkesempatan berjumpa dengan bekas Pengarah Belanjawan Kementerian Kewangan yang kini berkhidmat di Pejabat Perdana Menteri.

On 7 August 2025, APPGM-SDG participated in the Budget Engagement Session 2026 at the Ministry of Finance, Putrajaya, represented by Datuk Dr. Denison Jayasooria and Puan Rahmah Othman. This platform provided an important opportunity for civil society organisations to contribute input to the national budget process. During the session, Puan Rahmah had the honour of meeting the Prime Minister of Malaysia and presenting the APPGM-SDG Annual Report 2024. She also shared key updates with Datuk Johan Merican, Secretary General of the Treasury, and connected with the former Budget Director of the Ministry of Finance, who is now serving at the Prime Minister's Office.





Lawatan Pemetaan Isu (Ogos)

Issue Mapping Visit (August)

Pada bulan Ogos, APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak di sebuah kawasan parlimen iaitu Larut. Pemetaan isu ini merupakan langkah awal dalam proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh APPGM-SDG. Gerak kerja ini dimulakan dengan penglibatan aktif Ahli Parlimen di kawasan terlibat. Laporan lawatan tapak boleh dimuat turun melalui kod QR yang disediakan.

In August, APPGM-SDG conducted site visits at a parliamentary constituency which is Larut. This issue mapping exercise marks the initial step in the localisation of the Sustainable Development Goals (SDGs) by APPGM-SDG. The initiative was carried out with the active participation of Members of Parliament from the respective constituency. The site visit report can be downloaded via the provided QR code.





6 Ogos 2025 | Daerah Seberang Prai Tengah
6 August 2025 | Seberang Prai District



7 Ogos 2025 | Parlimen Sungai Petani
7 August 2025 | Sungai Petani Parliament



9 Ogos 2025 | Kelantan
9 August 2025 | Kelantan



10 Ogos 2025 | Parlimen Lembah Pantai
10 August 2025 | Lembah Pantai Parliament



12 Ogos 2025 | Parlimen Tuaran
12 August 2025 | Tuaran Parliament



13 Ogos 2025 | Parlimen Kuala Pilah
13 August 2025 | Kuala Pilah Parliament



15 Ogos 2025 | Parlimen Pulai
15 August 2025 | Pulai Parliament




17 Ogos 2025 | Pulau Pinang
17 August 2025 | Pulau Pinang



21 Ogos 2025 | Parlimen Batu Pahat & Sri Gading
21 August 2025 | Batu Pahat & Sri Gading Parliaments



25 Ogos 2025 | Daerah Muar
25 August 2025 | Muar District



AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH

| ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkuuh kerjasama merentas sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localization efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zonal and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues, and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarters, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.



OGOS 2025



ZON UTARA | NORTHERN ZONE

ZON UTARA | NORTHERN ZONE

6.8.2025

Daerah Seberang Perai Tengah | Mesyuarat Pertama Jawatankuasa SDG Seberang Perai Tengah District | First Meeting of the SDG Committee

9



Mesyuarat Jawatankuasa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) peringkat Daerah Seberang Perai Tengah telah berlangsung pada 6 Ogos 2025, dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah Pn. Sharliza bersama wakil agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan APPGM-SDG. Sesi ini membentangkan hasil kajian pemetaan isu di Parlimen Permatang Pauh, Bukit Mertajam dan Batu Kawan. Mesyuarat bersetuju memfokuskan lima isu utama iaitu banjir, kesejahteraan rakyat, pencemaran, penyalahgunaan dadah dan keterjaminan makanan.

The first Seberang Perai Tengah District Sustainable Development Goals (SDG) Committee meeting was held on 6 August 2025, chaired by Chief Assistant District Officer Mrs. Sharliza, with participation from government agencies, local authorities, and APPGM-SDG representatives. The session reviewed issue mapping findings from the Permatang Pauh, Bukit Mertajam, and Batu Kawan constituencies. The committee identified five key priorities: flood mitigation, community wellbeing, pollution control, drug abuse prevention, and food security

7.8.2025

Daerah Kuala Muda | Mesyuarat Kunjung Hormat & Pra-Majlis Jawatankuasa SDG Kuala Muda District | Courtesy & Pre-Council Meeting of the SDG Committee

10



Mesyuarat Kunjungan Hormat dan Pra-Majlis Jawatankuasa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Daerah Kuala Muda telah diadakan pada 7 Ogos 2025, dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah En. Ridzuan Mohd Rashid bersama pegawai daerah dan wakil APPGM-SDG. Sesi ini memperkenalkan inisiatif APPGM-SDG serta membentangkan hasil kajian pemetaan isu di Parlimen Sungai Petani dan Parlimen Merbok.

On 7 August 2025, the Kuala Muda District's Courtesy and Pre-Council Meeting for the Sustainable Development Goals (SDG) Committee was held, chaired by Chief Assistant District Officer Mr. Ridzuan Mohd Rashid with participation from local government officers and APPGM-SDG representatives. The meeting introduced APPGM-SDG's initiatives and reviewed key findings from issue mapping conducted in the Sungai Petani and Merbok constituencies.

9.8.2025

Parlimen Tasek Gelugor | Projek Pembangunan Sukan

Tasek Gelugor Parliament | Sports Development Project

11



En. Vikneswaran dan En. Yoogeswaran telah mengadakan lawatan tapak bagi projek pembangunan infrastruktur gelanggang takraw di Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Lawatan ini turut disertai oleh Pegawai Parlimen Tasek Gelugor, En. Shahril serta En. Zaki. Selain pemantauan projek, sesi latihan bola sepak juga dijalankan untuk kategori umur Bawah 8 (U8), Bawah 9 (U9), Bawah 10 (U10), Bawah 11 (U11) dan Bawah 12 (U12) sebagai usaha memupuk bakat muda serta menggalakkan gaya hidup sihat. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti.

Mr. Vikneswaran and Mr. Yoogeswaran visited the construction site for a new sepak takraw court in Tasek Gelugor, Penang, joined by the Tasek Gelugor Parliamentary Officer, Mr. Shahril, and Mr. Zaki. The visit also featured football training sessions for Under-8, Under-9, Under-10, Under-11, and Under-12 categories, fostering young talent and promoting active lifestyles. This effort is part of the Community-Based Development Project initiative.

9.8.2025

Parlimen Tasek Gelugor | Fasa 1 – Hub Padi Komuniti

Tasek Gelugor Parliament | Phase 1 – Community Rice Hub

12



En. Vikneswaran dan En. Yoogeswaran telah mengadakan lawatan tapak projek Hub Padi Komuniti di Parlimen Tasek Gelugor, bersama Pegawai Parlimen, En. Shahril, serta En. Zaki. Lawatan ini meninjau kemajuan kerja-kerja pendawaian dan penyediaan tapak bagi pusat pemprosesan beras yang kini telah siap sepenuhnya. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti.

Mr. Vikneswaran and Mr. Yoogeswaran visited the Community Rice Hub project site in Tasek Gelugor Parliamentary Constituency, joined by parliamentary officer Mr. Shahril and Mr. Zaki. The visit reviewed the completed wiring and site preparation works for the rice processing centre. This effort is part of the Community-Based Development Project initiative.

9.8.2025

Parlimen Tasek Gelugor | Inisiatif Pusat Komuniti

Tasek Gelugor Parliament | Community Centre Initiative

13



En. Vikneswaran dan En. Yoogeswaran telah mengadakan pertemuan bersama En. Bhuvan, Pengurus Persatuan Kebajikan Juru Gaya Rambut Zon Utara, di pejabat beliau di Tasek Gelugor. Turut hadir ialah Pegawai Parlimen, En. Shahril serta En. Zaki. Pertemuan ini meninjau perkembangan inisiatif Pusat Komuniti yang dikendalikan oleh En. Bhuvan sebagai pusat pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk manfaat masyarakat setempat. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti.

Mr. Vikneswaran and Mr. Yoogeswaran met with Mr. Bhuvan, Chairman of the Northern Zone Hairdressers Welfare Association, at his office in Tasek Gelugor. They were joined by Parliamentary Officer Mr. Shahril and Mr. Zaki. The meeting explored the progress of the Community Centre spearheaded by Mr. Bhuvan, which serves as a hub for various community-benefiting programmes. This effort is part of the Community-Based Development Project initiative.

11.8.2025

Sesi Perbincangan RMK-13 & Rangka Tindakan Perak Sejahtera 2030

Dialogue on RMK-13 & Perak Sejahtera 2030 Blueprint

14



Satu sesi perbincangan telah diadakan, dipengerusikan oleh James, bagi mendapatkan pandangan dan refleksi berhubung Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) serta Rangka Tindakan Perak Sejahtera 2030. Turut dikongsikan ialah dapatan Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) masyarakat India di Tambun, Buntong, Klang dan Kapar. Seramai 19 pemimpin NGO dari Tapah, Gopeng, Ipoh, Kampar dan Bidor telah hadir, berkongsi pandangan serta cadangan demi memperkuuh dasar dan program pembangunan negeri.

A dialogue chaired by James brought together local leaders to exchange perspectives on the 13th Malaysia Plan (RMK-13) and the Perak Sejahtera 2030 Blueprint. The discussion also highlighted findings from the Multidimensional Poverty Index (MPI) study focusing on Indian communities in Tambun, Buntong, Klang, and Kapar. A total of 19 NGO leaders from Tapah, Gopeng, Ipoh, Kampar, and Bidor participated, contributing valuable insights to help shape inclusive state policies and programmes.

12.8.2025

Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Multi Agensi

Multi-Agency SDG Policy Intervention Committee Meeting

15



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Multi Agensi Peringkat Daerah Barat Daya Bil. 1/2025 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Pejabat Daerah Barat Daya dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia dan Yayasan Hasanah. Seramai 25 wakil daripada 15 agensi pelbagai sektor hadir membincangkan hala tuju pelaksanaan strategi SDG. Antara cadangan utama termasuk semakan semula pengelompokan (clustering) analisis mengikut kerangka RMK-13 bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan yang lebih berkesan.

The Multi-Agency SDG Policy Intervention Committee Meeting for Southwest District (Session 1/2025) was held at Bunga Raya Meeting Room, Southwest District Office, in collaboration with the Ministry of Finance Malaysia and Yayasan Hasanah. The session gathered 25 representatives from 15 agencies across multiple sectors to discuss strategic SDG implementation. Key recommendations included revisiting analysis clustering in alignment with the 13th Malaysia Plan framework to enable more effective planning and execution.

14.8.2025

Parlimen Larut | Dialog Antara Agensi bersama Agensi Daerah

Larut Parliament | Inter-Agencies Dialogue with District Agencies

16



APPGM-SDG telah mengadakan dialog antara agensi bersama agensi-agensi daerah di Parlimen Larut. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, Encik Mohd Rizwan bin Rozi, di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Selama, dengan kehadiran 17 wakil agensi. Sesi ini membincangkan maklum balas hasil pemetaan SDG di Parlimen Larut, melibatkan agensi seperti Perhilitan, KPDN, MARA, Jabatan Tenaga Kerja, JKR, Majlis Daerah Selama, Pejabat Daerah dan Sukan, Pejabat Kesihatan Daerah, serta para Penghulu Mukim.

APPGM-SDG held an inter-agency dialogue with district agencies in the Larut Parliamentary Constituency. The meeting, chaired by Assistant District Officer Mr. Mohd Rizwan bin Rozi, took place at the Operations Room of the Selama District and Land Office, with 17 agency representatives in attendance. The discussion centred on feedback from the SDG mapping exercise in Larut, involving agencies such as the Department of Wildlife and National Parks, Ministry of Domestic Trade, MARA, Department of Labour, Public Works Department, Selama District Council, District Sports Office, District Health Office, and local Penghulu representatives.

17.8.2025

Parlimen Ipoh Barat | Majlis Penutupan Kelas Pemasaran Digital

Ipoh Barat Parliament | Closing Ceremony of Digital Marketing Class

17



Majlis penutupan Kelas Pemasaran Digital diadakan di Kledang Emas Training Center. Para peserta menerima sijil penyertaan dan tablet sebagai penghargaan atas komitmen mereka sepanjang program.

The closing ceremony of the Digital Marketing Class was held at Kledang Emas Training Centre. Participants were awarded certificates of participation and tablets as recognition of their efforts.

17.8.2025

Parlimen Langkawi | Memperkasa Wanita B40 melalui Bakeri

Langkawi Parliament | Empowering B40 Women through Bakery

18



Sesi temubual bersama penerima manfaat projek solusi di Langkawi telah dijalankan, menampilkan kisah inspirasi Pn. Juita, seorang ibu tunggal yang menyertai projek "Memperkasa Wanita B40 melalui Bakeri" kendalian Pn. Azlina. Hasil penyertaan ini, Pn. Juita kini menerima banyak tempahan melalui sistem COD, sekali gus menambah pendapatan keluarga.

An inspiring beneficiary story emerged from Langkawi through the solution project "Empowering B40 Women through Bakery" led by Mrs. Azlina. Mrs. Juita, a single mother, has successfully turned her newly acquired baking skills into a source of income by fulfilling numerous customer orders via COD.

18.8.2025

Daerah Langkawi | Kunjung Hormat & Perbincangan Jawatankuasa SDG*Langkawi district | Courtesy Visit & District SDG Committee Discussion*

19



Satu kunjungan hormat telah diadakan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Langkawi, Tn. Zulkifli Abdullah (BCK), bagi membincangkan penubuhan Jawatankuasa SDG peringkat daerah. Mesyuarat pertama Jawatankuasa SDG Daerah dijangka bermula pada September 2025.

A courtesy visit was held with Mr. Zulkifli bin Abdullah (BCK), Deputy District Officer of Langkawi, to discuss the establishment of a District-level SDG Committee. The first District SDG Committee meeting is expected to convene in September 2025.

20-23.8.2025

Parlimen Kepala Batas | Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)*Kepala Batas Parliament | Multidimensional Poverty Index (MPI) Study*

20



Kajian melibatkan enam lokasi utama iaitu Kampung Kuala Muda, Kampung Selamat, Kampung Kovil, Taman Sri Serdang, Flat Kos Rendah Bertam Perdana, dan Taman Bertam Putra. Seramai 50 responden ditemui bual dengan kerjasama enumerator serta Ketua Kampung dan Pejabat Parlimen. Kajian ini membantu mengenal pasti dimensi kemiskinan yang melangkaui ukuran pendapatan semata-mata, termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan asas.

The survey was across six locations: Kampung Kuala Muda, Kampung Selamat, Kampung Kovil, Taman Sri Serdang, Bertam Perdana Low-Cost Flats, and Taman Bertam Putra. A total of 50 respondents participated, supported by local enumerators, community leaders, and the Parliamentary Office. The study highlights that poverty is not only about income but also about access to education, healthcare, housing, and basic services.

25.8.2025

Parlimen Kulim-Bandar Baharu | Perbincangan Pemetaan Isu & Perancangan Program*Kulim-Bandar Baharu Parliament | Issue Mapping & Programme Planning*

21



Pasukan Zon Utara telah mengadakan perbincangan bersama En. Muhammad Nur Ihsan bin Yahaya, BCK. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Daerah), di Pejabat Daerah dan Tanah Kulim. Sesi ini memberi tumpuan kepada hasil penyelidikan dan pemetaan isu di Kulim, serta penetapan tarikh bagi sesi dialog antara agensi-agensi daerah dan pelaksanaan program Pembangunan Kapasiti (CB).

The Northern Zone team held a discussion with Mr. Muhammad Nur Ihsan bin Yahaya, BCK., Chief Assistant District Officer (District Management), at the Kulim District and Land Office. The session focused on research findings, issue mapping, and setting dates for the upcoming integrated agencies dialogue with district agencies and the Capacity Building (CB) programme. This effort is crucial in ensuring evidence-based and inclusive planning, enabling more effective district-level development in alignment with the Sustainable Development Goals (SDGs).

29.8.2025

Sambutan Merdeka Bersama Anak-anak Istimewa

Merdeka Celebration with Special Children

22



Rose dan Azura telah menyertai Perak Caring Association (PCA) dalam meraikan sambutan Hari Kebangsaan di Sekolah Semangat Maju, Ipoh bersama anak-anak istimewa yang berkeperluan pendidikan khas. Sambutan ini mewujudkan suasana ceria dan inklusif dengan aktiviti nyanyian lagu patriotik serta interaksi mesra yang memberi ruang kepada anak-anak untuk menzahirkan semangat cinta negara, membina keyakinan diri serta meningkatkan kemahiran sosial. Inisiatif ini menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan emosi (SDG 3), pendidikan inklusif dan berkualiti (SDG 4) serta mengurangkan ketidaksamaan dengan memperkasa anak-anak istimewa (SDG 10).

Rose and Azura joined the Perak Caring Association (PCA) for a Merdeka celebration at Sekolah Semangat Maju, Ipoh, together with children with intellectual disabilities. The event created a joyful and inclusive atmosphere where the children actively sang patriotic songs and engaged in meaningful interactions — building confidence, social skills, and a sense of belonging while expressing their love for the nation. This initiative reflects the spirit of the SDGs by promoting emotional well-being (SDG 3), advancing inclusive and quality education (SDG 4), and reducing inequalities through the empowerment of children with disabilities (SDG 10).



OGOS 2025



ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

1.8.2025

Parlimen Lembah Pantai | Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

Lembah Pantai Parliament | Multidimensional Poverty Index (MPI) Study

23



Hari pertama Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) bermula di PPR Seri Cempaka, melibatkan komuniti Blok E dan F sebanyak 10 isi rumah daripada latar belakang etnik India dan Melayu. Kajian ini meliputi tempoh masa seminggu merangkumi 6 kawasan PPR di Lembah Pantai. Penduduk berkongsi realiti kehidupan mereka, termasuk cabaran yang dihadapi dalam memenuhi keperluan asas.

The first day of the Multidimensional Poverty Index (MPI) Study began at PPR Seri Cempaka, involving 10 households from Blocks E and F, comprising residents from Indian and Malay ethnic backgrounds. The study spans from 1-8 August, covering all 6 public housing (PPR) sites in Lembah Pantai. Residents opened up about their daily struggles and expressed doubt, citing previous surveys by NGOs that led to no change.

2.8.2025

Parlimen Lembah Pantai | Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

Lembah Pantai Parliament | Multidimensional Poverty Index (MPI) Study

24



Pada 2 Ogos 2025, Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) dijalankan di PPR Kerinchi melibatkan 15 isi rumah dari Blok A, B, C, D, dan E. Kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian menyeluruh di 6 kawasan PPR Flat di Lembah Pantai yang dijalankan dari 1 hingga 8 Ogos 2025, dengan penglibatan komuniti Melayu dan India dalam kategori B40. Kajian ini penting bagi mengenal pasti cabaran sebenar komuniti, termasuk isu sosial, alam sekitar, dan keperluan asas, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

On 2 August 2025, the Multidimensional Poverty Index (MPI) Study took place at PPR Kerinchi, engaging 15 households from Blocks A, B, C, D, and E. This forms part of a comprehensive study across all 6 areas of PPR Flats in Lembah Pantai from 1 to 8 August 2025, involving Malay and Indian B40 communities. The study aims to uncover the real challenges faced by residents — from social and environmental issues to basic needs — providing crucial insights for targeted and sustainable interventions in line with the Sustainable Development Goals (SDGs).

4.8.2025

Parlimen Lembah Pantai | Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

Lembah Pantai Parliament | Multidimensional Poverty Index (MPI) Study

25



Kajian Indeks Kemiskinan Multiimensi (MPI) di Lembah Pantai telah dilaksanakan dari 1 hingga 3 Ogos 2025, melibatkan lima PPR utama termasuk PPR Kampung Limau, PPR Pantai Ria, dan PPR Seri Pantai. Pasukan pelaksana bersama wakil komuniti setiap blok berjaya mengumpulkan maklumat daripada keluarga B40 berbilang kaum bagi mengenal pasti cabaran harian mereka. Hasil kajian menunjukkan isu berterusan seperti bekalan air yang berkarat, kekurangan tempat letak kereta, dan kenderaan terbaik yang menjelaskan kualiti hidup penduduk.

From 1 to 3 August 2025, the Multidimensional Poverty Index (MPI) Study was carried out across five major PPR flats in Lembah Pantai, including PPR Kampung Limau, PPR Pantai Ria, and PPR Seri Pantai. The implementing team, with support from block representatives, engaged B40 households from diverse ethnic backgrounds to better understand their daily challenges. Findings revealed ongoing issues such as rusty water supply, insufficient parking spaces, and abandoned vehicles that impact residents' quality of life.

9.8.2025

Bengkel Rintis Pembangunan Kapasiti Pemimpin Masyarakat

Inaugural Local Leadership Capacity Building Workshop

26



Bertempat di Garden Spring, Cheras, bengkel pembangunan kapasiti kepimpinan tempatan perintis telah diadakan dengan penyertaan sekitar 25 orang pemimpin komuniti, termasuk yang datang sejauh dari Lipis. Sesi ini memberi tumpuan kepada pengenalpastian isu-isu sistemik, kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta cadangan penyelesaian mengikut konteks setempat.

At Garden Spring in Cheras, APPGM-SDG hosted its pilot capacity building session for local leadership, bringing together around 25 community leaders—including some from as far as Lipis. The workshop focused on identifying systemic issues, linking them to the Sustainable Development Goals (SDGs), and exploring locally relevant solutions.

10.8.2025

Parlimen Lembah Pantai | Majlis Perasmian Program Pembangunan Kapasiti Pemimpin Masyarakat

Lembah Pantai Parliament | Capacity Building Programme For Community Leaders

27



APPGM-SDG telah menganjurkan Program Pembangunan Kapasiti Advokasi Dasar bagi pemimpin komuniti di Parlimen Lembah Pantai. Majlis perasmian dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Tuan Abdullah Izhar, Setiausaha Politik kepada YB Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai.

APPGM-SDG hosted the Policy Intervention Capacity Building Programme for community leaders in the Lembah Pantai Parliamentary Constituency. The opening ceremony and certificate presentation were officiated by Mr Abdullah Izhar, the Political Secretary to YB Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Minister of Communications and Member of Parliament for Lembah Pantai.

10.8.2025

IWK Eco Park, Pantai Dalam | Program Pembangunan Kapasiti Pemimpin Masyarakat

IWK Eco Park, Pantai Dalam / Capacity Building Programme for Community Leaders

28



Program Pembangunan Kapasiti di IWK Eco Park, Pantai Dalam telah menghimpunkan 35 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk MPPS, Kawasan Rukun Tetangga, Ketua Blok, persatuan wanita, wakil masjid, sukarelawan Bina Malaysia, dan NGO komuniti India Lembah Pantai yang bekerjasama dengan YB setempat. Program ini dimulakan dengan sesi suai kenal dan aktiviti interaktif bagi membina hubungan mesra antara peserta. Sepanjang sesi, peserta didedahkan kepada pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), perbincangan isu komuniti, dan pemetaan kawasan persekitaran. Cadangan solusi turut dibentangkan bersama rakan kumpulan dan rakan solusi. Antara isu kritikal yang dibangkitkan termasuk kerosakan lif yang berpanjangan, kelewatan tindakan terhadap aduan, penyalahgunaan kemudahan, serta pembuangan sampah yang menjelaskan keselamatan dan kualiti hidup penduduk.

The Capacity Building Programme at IWK Eco Park, Pantai Dalam brought together 35 participants from various backgrounds — including MPPS, neighbourhood associations, block leaders, women's groups, mosque representatives, Bina Malaysia volunteers, and Indian community NGOs from Lembah Pantai that work with the local MP. The session began with ice-breaking activities to foster camaraderie among participants. Participants explored the Sustainable Development Goals (SDGs), discussed pressing local issues, and mapped their neighbourhoods to propose community-driven solutions. Key concerns raised included prolonged elevator breakdowns, delayed complaint responses, misuse of facilities, and waste disposal practices affecting residents' safety and well-being.

11.8.2025

Putrajaya | Lawatan Teknikal ke Dewan Bandaraya Putrajaya dan Kebun Komuniti Presint 14

Putrajaya | Technical Visit to the Putrajaya City Hall and Precint 14 Community Farm

29



Ira telah menyertai lawatan teknikal ke Putrajaya bagi mempelajari inisiatif Bandar Pintar, pengurusan alam sekitar, dan projek berasaskan komuniti. Tiga lokasi utama: Pejabat Bandaraya Putrajaya, Wetland Putrajaya, dan Kebun Komuniti Presint 14. Di Dewan Bandaraya Putrajaya, peserta diberi penerangan tentang perancangan bersepadu, infrastruktur digital dan pembangunan mampan yang menegaskan keseimbangan antara pembangunan, pemuliharaan alam sekitar, dan penglibatan komuniti.

Ira joined a technical visit to Putrajaya to explore the city's Smart City initiatives, environmental management strategies, and community-driven projects. Three main sites: Putrajaya City Hall, Putrajaya Wetland, and the Precinct 14 Community Garden. At Putrajaya City Hall, participants learned about integrated urban planning, digital infrastructure, and sustainable development that balance growth with environmental conservation and public engagement.

19.8.2025

Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Kejiranan KRT Flat Petaling Utama

Meeting with Petaling Utama Rukun Tetangga KRT Committee

30

Mesyuarat telah diadakan bersama Jawatankuasa Kejiranan KRT Flat Petaling Utama yang diusahakan oleh Penyelaras Tempatan (LC), En. Arunagiri. Mesyuarat ini turut disertai oleh Paniirselvam, Pengarah Jabatan Solusi Dasar dan Karrupiah, serta 15 ahli jawatankuasa KRT yang diketuai oleh En. Gunaseelan. Sesi ini memberi tumpuan kepada Taklimat Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025 serta perbincangan pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti yang dijadualkan pada 24 Ogos 2025.

A meeting was held with the Petaling Utama Rukun Tetangga (KRT) Committee, facilitated by Local Coordinator (LC) Mr. Arunagiri. The session was also attended by Paniirselvam, Director of the Policy Solutions Department and Karrupiah, and together with them were 15 committee members led by Mr. Gunaseelan. The discussion focused on the 2025 Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) briefing and the upcoming Capacity Building Programme scheduled for 24 August 2025.

24.8.2025

Program Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Peringkat Daerah

District-Level Policy Intervention Capacity Building Programme

31

Sekretariat APPGM-SDG telah menganjurkan Program Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Peringkat Daerah di Petaling Jaya yang dikendalikan oleh Arunagiri, salah seorang Penyelaras Tempatan Zon Tengah. Sesi ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kepimpinan tempatan dalam melaksanakan intervensi dasar di peringkat komuniti. Antara perkongsian penting ialah inisiatif penjanaan pendapatan di Lembah Subang oleh golongan wanita B40, yang disokong oleh Women of Will. Usaha ini menunjukkan bagaimana kerjasama strategik mampu memperkasakan komuniti serta menyumbang kepada pencapaian SDG.

The APPGM-SDG Secretariat organised a District-Level Policy Intervention Capacity Building Programme in Petaling Jaya, facilitated by Arunagiri, one of our Central Zone Local Coordinator. The session focused on strengthening local leadership capacity in implementing community-based policy interventions. A key highlight was the sharing of an income-generation initiative in Lembah Subang involving B40 women, supported by Women of Will. This initiative demonstrates how strategic partnerships can empower communities and accelerate progress towards the SDGs.



OGOS 2025



ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

4.8.2025

Kunjungan Hormat Sekretariat Kelantan Future Leader Institute (KFLI) Courtesy Visit from Kelantan Future Leader Institute (KFLI)

32



APPGM-SDG Zon Pantai Timur telah menerima kunjungan hormat daripada Sekretariat Kelantan Future Leader Institute (KFLI) yang dihadiri Penolong Pengarah KFLI, En. Ridhuwan, Setiausaha KFLI, En. Baihaqi, dan Setiausaha Kerja KFLI, En. Nuri. KFLI bernaung di bawah Unit Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan, berperanan menyokong Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) serta mencungkil bakat kepimpinan belia sejak di bangku sekolah.

Wakil APPGM-SDG telah menyertai sesi pleno ASEAN Regionalism and Border Issue bagi membincangkan kedudukan ASEAN dari sudut sejarah, semasa, dan masa hadapan. Perbincangan turut meliputi hubungan dua hala antara negara anggota ASEAN dengan Kesatuan Eropah dan blok antarabangsa lain, khususnya dalam pembangunan teknologi pertahanan, sektor keselamatan, serta politik migrasi. Sesi ini memberi pencerahan tentang rangka kerja teori seperti realisme dan liberalisme, serta persamaan konsep kompleks domestik dalam hubungan antarabangsa dengan ruangan pinggiran dalam sosioekonomi.

APPGM-SDG representatives attended the ASEAN Regionalism and Border Issue plenary, which explored ASEAN's historical roots, current standing, and future positioning. Discussions also covered member states' bilateral relations with the EU and other global blocs, particularly in defence technology, security cooperation, and migration politics. The session shed light on theoretical frameworks such as realism and liberalism, and drew parallels between the "domestic complex" concept in International Relations and "marginal space" in socioeconomics.

12-14.8.2025

Parlimen Serian | Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

Serian Parliament | Multidimensional Poverty Index (MPI) Study

75



Fasa pertama Kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) bagi kawasan Parlimen Serian telah dijalankan pada 12 hingga 14 Ogos 2025, melibatkan tiga kampung di bawah Pentadbiran Pejabat Daerah Tebedu: Kampung Tebedu Bung Padus (10 peserta), Kampung Tepoi (6 peserta) dan Kampung Entubuh (10 peserta). Soal selidik ini dijalankan secara bersemuka menggunakan borang fizikal, memandangkan capaian internet di kawasan terlibat agak terhad. Pendekatan ini turut memudahkan komunikasi antara enumerator dan penduduk, di samping membina kepercayaan komuniti yang sebelum ini terkesan dengan kes penipuan pihak tidak bertanggungjawab.

The first phase of the Multidimensional Poverty Index (MPI) Study in the Serian Parliamentary Constituency took place from 12 to 14 August 2025, covering three villages under the Tebedu District Office: Kampung Tebedu Bung Padus (10 participants), Kampung Tepoi (6 participants), and Kampung Entubuh (10 participants). Surveys were conducted face-to-face using physical forms due to limited internet access in the area, while also enabling more direct and trust-building interactions between enumerators and villagers. This approach proved essential, as many residents had previously been affected by scams.

14.8.2025

Lawatan Projek CLC “Pemuliharaan Orkid & Pembangunan Ekonomi

Visit to CLC Project “Orchid Conservation & Economic Development”

76



Sebagai sebahagian daripada program untuk MSC14, Corrin Alicia dan Danish Al-Barr Hasanah bersama peserta, turut disertai Prof. Dr. Sity Daud (Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia), Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli (Timbalan Presiden) dan Dr. Nadrawina Isnin (Penilai Impak, UiTM Samarahan) telah melawat projek CLC “Pemuliharaan Orkid dan Pembangunan Ekonomi” di Kota Samarahan. Rombongan disambut oleh YM Tengku Dr. Hjh Auvaroza Tengku Abraham (Pengasas & Pengurus Persatuan Orkid Sarawak – SARORSO) dan Hajjah Saptuyah binti Baki (Rakan Solusi/Pengurus Projek), bersama ahli SARORSO. Lawatan bermula di ladang kelapa sawit yang menjadi tapak konservasi orkid in-situ, di mana YM Tengku memberi taklimat mengenai orkid tempatan yang dipulihara serta usaha menjana peluang ekonomi kepada ahli SARORSO, terutamanya pesara dan suri rumah.

As part of a side event of MSC14, Corrin Alicia and Danish Al-Barr Hasanah accompanied the participants, alongside Prof. Dr. Sity Daud (President of Persatuan Sains Sosial Malaysia), Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli (Deputy President), and Dr. Nadrawina Isnin (Impact Evaluator from UiTM Samarahan), to visit our CLC project, “Pemuliharaan Orkid dan Pembangunan Ekonomi” in Kota Samarahan. The delegation was welcomed by YM Tengku Dr. Hjh Auvaroza Tengku Abraham (Founder and Chairperson of SARORSO) and Hajjah Saptuyah Baki (Project Manager), with SARORSO members. The visit highlighted in-situ orchid conservation efforts and how they are creating economic opportunities for pensioners and housewives.

15.8.2025

Lawatan Awal ke Lapok dan Long Lama, Baram

Pre-Visit to Lapok and Long Lama, Baram

77



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke Lapok dan Long Lama, Baram sebagai sebahagian daripada tinjauan awal bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) susulan bersama komuniti tempatan. Langkah awal ini penting bagi memastikan suara komuniti didengari dalam merangka inisiatif pembangunan mapan, selaras dengan prinsip inklusif Agenda 2030.

The APPGM-SDG team visited Lapok and Long Lama in Baram as part of an initial survey to identify areas for upcoming Focus Group Discussions (FGDs) with local communities. This pre-visit ensures that local voices and perspectives are taken into account in shaping sustainable and inclusive development initiatives.

26.8.2025

Kunjungan Hormat & Perbincangan Bersama Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan (MPHLG) Sarawak
Courtesy Visit & Discussion with Ministry of Public Health, Housing & Local Government (MPHLG) Sarawak

78



Susulan daripada IAD bagi Parlimen Stampin pada 28 Julai 2025, pasukan APPGM-SDG telah menghadiri kunjungan hormat dan sesi perbincangan bersama MPHLG Sarawak. Perbincangan memberi fokus kepada isu pengurusan harta strata dan perumahan strata mampu milik, khususnya pelaksanaan Ordinan Pengurusan Strata (SMO 2019) di Sarawak. Dialog ini penting untuk memperkuuh kefahaman berhubung cabaran pemilik rumah strata berpendapatan rendah, serta usaha meningkatkan kesedaran dan literasi komuniti mengenai peraturan serta penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Following the IAD for P196 Stampin held on 28 July 2025, APPGM-SDG was invited to a courtesy visit and follow-up discussion with MPHLG Sarawak. The session focused on strata property management and affordable housing, particularly the implementation of the Strata Management Ordinance (SMO 2019). The conversation highlighted key concerns raised by low-cost strata homeowners, including gaps in awareness of regulations and the role of Joint Management Bodies (JMBs). Strengthening residents' literacy and capacity on strata governance was emphasized as vital for sustainable community living.



OGOS 2025



WILAYAH SABAH / SABAH REGION

WILAYAH SABAH | SABAH REGION

2.8.2025

Wilayah Persekutuan Labuan | Perbincangan Strategik FAMA

Wilayah Persekutuan Labuan | Strategic Discussion with FAMA

79



Perbincangan strategik telah diadakan antara APPGM-SDG dan FAMA Wilayah Persekutuan Labuan bagi meneroka kerjasama melalui projek berimpak ekonomi bertemakan "Memperkasakan Tamu: Menyokong Hasil Pengeluaran Tempatan". Sesi ini melibatkan En. Jeffri Mohd Jain dari FAMA WP Labuan dan Penyelaras Tempatan APPGM-SDG, Amirul. Projek ini bertujuan memperkuuh pemasaran hasil pertanian dan ekosistem niaga komuniti melalui platform pasar tani yang lebih tersusun dan mampan.

APPGM-SDG held a strategic discussion with Mr. Jeffri Mohd Jain from FAMA Wilayah Persekutuan Labuan to explore collaboration opportunities under an economic impact project themed "Empowering the Tamu: Supporting Local Produce". Local Coordinator Amirul led the engagement. The initiative aims to strengthen the marketing of local agricultural products and enhance community trade ecosystems through more structured and sustainable pasar tani platforms.

2.8.2025

Memperkasa Wanita & Belia Wanita Labuan

Empowering Women & Young Women of Labuan

80



Sesi perbincangan telah diadakan antara Amirul dan Puan Mimi daripada Persatuan Wanita Tani Labuan bagi membincangkan pelaksanaan projek berimpak sosial yang menyasarkan penglibatan aktif golongan wanita setempat. Projek bertema Memperkasakan Golongan Wanita dan Belia Wanita ini memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan dan keusahawanan .

Amirul met with Mrs. Mimi from the Labuan Women Farmers' Association to discuss the implementation of a social impact project aimed at enhancing the participation of local women. Centred on the theme of Empowering Women and Young Women Centred on the theme Empowering Women and Young Women, the initiative will focus on leadership and entrepreneurship development.

5.8.2025

Sesi Pengenalan Bersama Sabah Net

Introductory Meeting with Sabah Net

81



Pasukan APPGM-SDG Sabah yang diwakili oleh Dana, Jeanet dan Amirul telah mengadakan sesi pertemuan pengenalan bersama Sabah Net bagi berkongsi maklumat dan inisiatif semasa. Sabah Net turut memperkenalkan usaha berimpak tinggi mereka dalam memperluas capaian digital di seluruh Sabah, termasuk menyediakan akses internet kepada lebih 300 kampung.

The APPGM-SDG Sabah team—represented by Dana, Jeanet, and Amirul—held an introductory meeting with Sabah Net to exchange insights on current initiatives. Sabah Net showcased their impactful work in expanding digital connectivity across the state, including providing internet access to over 300 villages.



OGOS 2025



WILAYAH SABAH / SABAH REGION

7.8.2025

Parlimen Putatan & Tuaran | Persediaan Bengkel Pembangunan Kapasiti Putatan & Tuaran Parliament | Preparations for the Capacity Building Workshops

82



Taklimat persediaan telah diadakan bersama Pejabat Wilayah Sabah bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Bengkel Pembangunan Kapasiti di Parlimen Putatan dan Tuaran. Sesi ini dihadiri oleh pegawai wilayah Dana, Janet dan Amirul, bersama pasukan Pembangunan Kapasiti iaitu Siti Shafina, Maisarah dan Ain. Bengkel ini akan memberi peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk memperkuuh kemahiran, berkongsi amalan terbaik serta membina jaringan kerjasama demi pembangunan komuniti setempat selaras dengan matlamat SDG 17.

A coordination briefing was held with the Sabah Regional Office to finalise preparations for the upcoming Capacity Building Workshops in the Putatan and Tuaran constituencies. The session was attended by Dana, Janet, and Amirul from the Sabah office, together with Siti Shafina, Maisarah, and Ain from the Capacity Building team. These workshops aim to strengthen skills, share best practices, and foster collaboration among local stakeholders—contributing towards sustainable community development and advancing SDG 17.

12.8.2025

Parlimen Tuaran | Bengkel Pembangunan Kapasiti & Kepimpinan SDG Tuaran Parliament | SDG Capacity & Leadership Workshop

83



Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Parlimen Tuaran telah diadakan di Lintas Platinum Hotel dengan penyertaan 16 wakil daripada pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah. Perbincangan memfokuskan dua isu utama iaitu masalah pengairan dan penanaman padi yang menjelaskan produktiviti pesawah, serta isu alam sekitar seperti hakisan tanah, kerosakan tebing sungai, risiko banjir berulang, dan pencemaran bau.

The Tuaran Parliamentary Constituency Sustainable Development Goals (SDG) Capacity and Leadership Workshop was held at Lintas Platinum Hotel, bringing together 16 representatives from various district-level government agencies. Discussions centred on two pressing issues: irrigation and paddy cultivation challenges affecting farmers' productivity and environmental concerns, including soil erosion, riverbank damage, recurring flood risks, and odour pollution.

13.8.2025

Parlimen Putatan | Bengkel Pembangunan Kapasiti & Kepimpinan SDG

Putatan Parliament / SDG Capacity & Leadership Workshop

84



Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Parlimen Putatan telah berlangsung di Lintas Platinum Hotel dengan kehadiran 39 wakil pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah, rakan strategik, dan komuniti setempat. Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, Timbalan Ketua Menteri / Menteri Kerja Raya / Ahli Parlimen Putatan / ADUN Tanjung Keramat, yang menzahirkan penghargaan kepada APPGM-SDG atas inisiatif ini sebagai langkah strategik memperkuat kerjasama antara agensi dalam melaksanakan SDG secara inklusif demi kesejahteraan rakyat.

The Putatan Parliamentary Constituency Sustainable Development Goals (SDG) Capacity and Leadership Workshop was held at Lintas Platinum Hotel, bringing together 39 representatives from district-level government agencies, strategic partners, and local community members. Officiated by YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, Deputy Chief Minister / Minister of Public Works / Member of Putatan Parliament / State Assemblyman for DUN Tanjung Keramat, the event was recognised as a key step in strengthening cross-agency collaboration to implement the SDGs inclusively and strategically for the benefit of the people.

25.8.2025

Mesyuarat Penyelarasan Wilayah Sabah

Sabah's Region Coordination Meeting

85



Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan bagi membincangkan pengurusan dan peralihan kepimpinan Pejabat APPGM-SDG Sabah dengan kehadiran Dr. Jain selaku Penasihat. Perbincangan menitikberatkan kelancaran proses peralihan, akauntabiliti dan kesinambungan mandat APPGM-SDG di Sabah. Langkah ini penting bagi memastikan usaha pembangunan mampan di Sabah terus diperkuat melalui kepimpinan yang tersusun dan bertanggungjawab. APPGM-SDG berterima kasih atas komitmen semua pihak dalam memastikan misi ini diteruskan dengan baik.

A coordination meeting was held to discuss the management and leadership transition of the APPGM-SDG Sabah Office, attended by Dr. Jain as Advisor. The discussion focused on ensuring a smooth transition, accountability, and the sustainability of the APPGM-SDG mandate in Sabah. This step is vital to strengthen sustainable development efforts in Sabah through structured and responsible leadership. APPGM-SDG extends its appreciation to all parties for their commitment in ensuring the continuity of this mission.

29-30.8.2025

Lawatan Projek Ekopelancongan Ulu Kedamaian*Ulu Kedamaian Ecotourism Project Visit*

86



Amirul dan Jeanet, Sekretariat Wilayah Sabah telah mengadakan lawatan percubaan pakej ekopelancongan bersama komuniti di Ulu Kedamaian, Kota Belud, Sabah, dengan penyelarasan Rakan Solusi, En. Terrence. Seramai empat pemandu pelancong komuniti berperanan sebagai pemandu di setiap lokasi tarikan, manakala tujuh pelawat turut serta dalam pengalaman ini. Lawatan ini membuktikan keupayaan komuniti untuk mengurus aktiviti pelancongan secara berdikari, termasuk lawatan ke pasar tempatan, kawasan semula jadi seperti air terjun dan formasi batuan, serta aktiviti rekreasi berasaskan sungai. Walaupun berdepan cabaran infrastruktur, akses dan pemasaran, potensi Ulu Kedamaian sebagai destinasi ekopelancongan luar bandar Sabah tetap menyerlah.

Amirul and Jeanet, Sabah Regional Secretariat joined a trial run of a community-led ecotourism package in Ulu Kedamaian, Kota Belud, Sabah, coordinated by solution provider, Mr. Terrence. Four local community guides led visitors through various attractions, with seven participants experiencing the 2D1N package. The itinerary included local markets, scenic waterfalls, unique igneous rock formations, and river-based activities managed by cooperatives. Despite challenges such as limited infrastructure, accessibility, and marketing, the trial demonstrated the community's strong capacity to manage ecotourism independently.



PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSdg CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui pendekatan penyelidikan dasar, latihan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial, Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Akademi MySDG, Jabatan Solusi Dasar, Jabatan Advokasi Dasar Parlimen**—mempunyai mandat khusus dalam memperkuuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Centre for Environment and Sustainability, MySDG Academy, and Policy Solutions Department, Parliamentary Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localization.*

With strategic support from the Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.

Accomplished



4.8.2025

Seminar Teori dan Metode Sosial APPGM-SDG Siri Pertama*APPGM-SDG Social Theory and Methods Seminar Series 1*

87



Dr. Khairil telah hadir sebagai tetamu jemputan di studio bagi program Ruang Bicara di BERNAMA TV pada 4 Ogos 2025. Perbincangan yang dihoskan oleh Datuk Sherkawi Jirim ini turut menampilkan Prof. Madya Dr. Mustazar Mansur dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan fokus kepada tajuk RMK13: Harapan dan Agenda Sosioekonomi Rakyat.

On 4 August 2025, Dr. Khairil joined Ruang Bicara on BERNAMA TV as a guest speaker, alongside Associate Professor Dr. Mustazar Mansur from Universiti Kebangsaan Malaysia. Hosted by Datuk Sherkawi Jirim, the discussion focused on RMK13: People's Socioeconomic Hopes and Agenda.

4.8.2025

Kolokium & Perbincangan Kumpulan Berfokus KL*Colloquium & Focus Group Discussion on KL Development*

88




Dr. Khairil Ahmad telah menghadiri Kolokium dan Perbincangan Kumpulan Berfokus "Merintis Halangan Pembangunan Kuala Lumpur: Suatu Penyelidikan Mencari Resolusi" anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, bertempat di Institut Latihan DBKL.

Dr. Khairil Ahmad participated in the Colloquium and Focus Group Discussion "Breaking Barriers to Kuala Lumpur's Development: A Research Towards Resolution", organised by the International Islamic University Malaysia at the DBKL Training Institute.

7.8.2025

Taklimat Pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat*Briefing on Amendments to the Whistleblower Protection Act*

89



Dr. Khairil Ahmad, Pengarah Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial, telah menghadiri sesi taklimat berkenaan pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang dianjurkan oleh CSO Platform for Reform and Center to Combat Corruption and Cronyism (C4) di pejabat C4.


Dr. Khairil Ahmad, Director of MySDG Centre for Social Inclusion, attended a briefing on proposed amendments to the Whistleblower Protection Act, organised by the CSO Platform for Reform and the Center to Combat Corruption and Cronyism (C4) at C4's office.

Akademi


Corporate Communications
Department
5.8.2025
Latihan ESG di 1 Utama
ESG Training at 1 Utama
90

Sebagai tanda penghargaan atas penajaan tempat oleh 1 Utama semasa Sidang Kemuncak Belia SDG, Akademi MySDG telah mengadakan dua sesi latihan ESG bersama pasukan mereka. Kerjasama ini mencerminkan semangat sebenar Matlamat Pembangunan Mampan ke-17.

As a token of appreciation for 1 Utama's venue sponsorship during the Youth SDG Summit, MySDG Academy held two ESG training sessions with their team. This collaboration reflects the true spirit of SDG 17.

6.8.2025
Mesyuarat Susulan Pemimpin Tematik ASEAN
ASEAN Thematic Leaders Follow-Up Meeting
91

Syakhira telah menghadiri mesyuarat susulan pemimpin tematik ASEAN secara dalam talian bagi membincangkan persiapan menjelang Sidang Kemuncak ASEAN pada 26–28 Oktober 2025. Inisiatif ini menyasarkan penglibatan aktif pelaku dan pemimpin pemikiran tempatan melalui perhimpunan nasional secara hibrid menjelang 2030.

Syakhira joined the ASEAN thematic leaders follow-up meeting via Zoom to prepare for the upcoming ASEAN Summit on 26–28 October 2025. This effort aligns with the 2030 target to convene at least one national hybrid gathering of local actors and thought leaders in the SDG-SSE movement.

7.8.2025
Lawatan ke Pejabat SK Magic
A Visit to SK Magic Office
92

Zoel, Syakhira dan Jess (pakar rujuk ESG MySDG Academy), telah mengadakan lawatan ke Pejabat SK Magic pada 7 Ogos 2025. Syarikat ini berkongsi amalan *Extended Producer Responsibility* (EPR) yang dilaksanakan secara sukarela walaupun berskala PKS, mencerminkan komitmen tinggi terhadap kelestarian alam sekitar. Mereka merujuk kepada K-Eco (*Korea Environment Corporation*) sebagai panduan amalan terbaik, dan kini menjalankan projek mendermakan produk terpakai yang dibaik pulih kepada sekolah, kolej dan institusi lain.

Zoel, Syakhira and Jess (ESG resource person for MySDG Academy), visited SK Magic's office to learn about the company's voluntary Extended Producer Responsibility (EPR) practices. Despite being an SME, SK Magic has shown strong environmental leadership, guided by best practices from K-Eco (Korea Environment Corporation). Their ongoing project donates refurbished products to schools, colleges and other institutions

8.8.2025

Mesyuarat Perancangan MySDG Academy bersama Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM)

MySDG Academy Planning Meeting with Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM)

93



Mesyuarat perancangan bersama Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) menandakan permulaan kerjasama strategik bagi menganjurkan program perintis yang memberi tumpuan kepada pengetahuan, kemahiran dan aplikasi praktikal berkaitan ESG dan SDG. Inisiatif ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai pemimpin perubahan demi kelestarian masa hadapan.

The planning session with Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) marked the beginning of a strategic partnership to deliver a pilot programme focused on ESG and SDG knowledge, skills, and practical applications. Through this initiative, we aim to inspire and equip more changemakers for a sustainable future.

12.8.2025

Mesyuarat Perkembangan Projek Mikro Ejen Belia SDG – Kumpulan Saperdu

Youth SDG Agent Micro Project Progress Meeting – Saperdu Group

94



Mesyuarat perkembangan telah diadakan bersama Kumpulan Saperdu, salah satu kumpulan Ejen Belia SDG yang memenangi geran daripada SAY, bagi membincangkan pelaksanaan program Digital Kampung. Mesyuarat ini bertujuan memastikan semua pihak berkepentingan selaras dengan objektif program. Perbincangan memberi tumpuan kepada penjelasan butiran program, pencapaian persediaan, serta aspek penyelarasan.

A progress meeting was held with Saperdu Group, one of our Youth SDG Agent teams and recipients of the SAY grant, to discuss the implementation of their Digital Kampung program. The session aimed to ensure all stakeholders were aligned on the project's goals. Discussions covered program specifics, preparation milestones, and coordination matters.

17.8.2025

Y-Lead: Youth in Leadership
Y-Lead: Youth in Leadership

95



MySDG Academy telah dijemput ke Pulau Pinang untuk berkongsi tentang Penyetempatan SDG bersama sekumpulan belia yang bersemangat sebagai penggerak perubahan. Sesi ini dikendalikan oleh Syakhira bersama Agen Belia SDG Pulau Pinang, Jen Dee dan Harchana. Sepanjang program, para belia didedahkan dengan peranan mereka dalam pembangunan negara, berkongsi kisah inspirasi SDG.

In Penang, MySDG Academy joined a group of passionate young changemakers to explore how the SDGs can be localised through youth leadership. The sessions were led by Syakhira, together with Penang Youth SDG Agents, Jen Dee and Harchana. The full-day programme gave youth the opportunity to reflect on their role in national development, discover inspiring SDG stories.

18.8.2025

Lawatan Ms. Takako ke APPGM-SDG
Visit by Ms. Takako to APPGM-SDG

96



APPGM-SDG telah menerima kunjungan Puan Takako, seorang penyokong SDG dan pakar sumber *Education for Sustainable Development* (ESD) dari Jepun. Beliau mengetahui mengenai usaha APPGM-SDG melalui rangkaian SSE dan hadir untuk mempelajari dengan lebih dekat model pengelokalan SDG di Malaysia. Dalam sesi ini, pasukan komunikasi APPGM-SDG telah berkongsi mengenai model pengelokalan SDG, projek penyelesaian komuniti yang berjaya serta strategi intervensi dasar. Ms. Takako turut menyatakan hasrat untuk membawa kajian kes APPGM-SDG ini sebagai rujukan ke Jepun.

APPGM-SDG welcomed Ms. Takako, a Japanese SDG advocate and Education for Sustainable Development (ESD) resource person. She learned about our work through the SSE network and visited us to explore Malaysia's localising SDGs model. During the engagement, the APPGM-SDG communications team shared about the localising SDGs model, successful community solutions projects, and strategies for policy intervention. Ms. Takako expressed her interest in bringing APPGM-SDG's case study back to Japan as a reference.

20.8.2025

Pertemuan MySDG Academy bersama 7979

MySDG Academy Engagement with 7979

97



MySDG Academy telah mengadakan pertemuan dengan En. CPY Song daripada 7979, sebuah organisasi berdasarkan kepercayaan yang bekerjasama dengan 193 gereja dalam melaksanakan khidmat komuniti. Perbincangan ini membuka ruang kerjasama dalam mengintegrasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Alam Sekitar, Sosial serta Tadbir Urus (ESG) ke dalam misi organisasi mereka. En. Song turut menyatakan minat mendalam terhadap model pengelokalan SDG yang digunakan oleh APPGM-SDG, di samping menekankan jurang maklumat mengenai pengelokalan SDG dalam bahasa Mandarin.

MySDG Academy met with Mr. CPY Song from 7979, a faith-based organisation working with 193 churches to provide community services. The discussion explored potential collaborations to integrate the Sustainable Development Goals (SDGs) and Environmental, Social and Governance (ESG) principles into their mission. Mr. Song was particularly impressed with APPGM-SDG's localising SDGs model and highlighted the gap in resources available in Mandarin on this subject.

21.8.2025

Dialog ASEAN SDG-SSE

ASEAN SDG-SSE Dialogue

98



Wakil pihak berkepentingan bagi ASEAN SDG-SSE Roadmap telah berhimpun untuk membincangkan penilaian impak perusahaan sosial sebagai pemacu pembangunan mampan melalui model Ekonomi Solidariti Sosial (SSE). Turut serta secara maya dari New York, Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria menekankan bahawa Rancangan Malaysia Ke-13 membuka ruang penting untuk mengarusperdanakan pendekatan SSE atau Ekonomi Inklusif Sosial di Malaysia.

Stakeholders of the ASEAN SDG-SSE Roadmap came together to explore impact assessment of social enterprises as a way to accelerate the SDGs through the Social Solidarity Economy (SSE) model. Speaking virtually from New York, Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria highlighted how the 13th Malaysia Plan paves the way for adopting SSE, also known as the Social Inclusion Economy, in Malaysia.

21.8.2025

SAY Team Programme Award Day

SAY Team Programme Award Day

99



Syakhira, Kai dan Yuwen, ejen belia SDG, telah menghadiri Hari Anugerah Pasukan Belia Selangor Youth Community (SAY) yang meraikan inisiatif belia berimpak tinggi. Penglibatan ini mengukuhkan kerjasama antara MySDG Academy dan SAY dalam memperkasakan kepimpinan belia ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Syakhira and our Youth SDG Agents, Kai and Yuwen joined the SAY Team Programme Award Day, a celebration of impactful youth-driven initiatives. This collaboration strengthens MySDG Academy's partnership with SAY in nurturing youth leadership and driving progress on the Sustainable Development Goals.

22.8.2025

Mesyuarat Kemajuan Projek Mikro Belia SDG Agent

Youth SDG Agent Micro Projects Progress Meetings

100



Mesyuarat bersama kumpulan Belia SDG Agent yang menerima geran daripada SAY. Sesi ini memberi ruang untuk membentangkan perkembangan program masing-masing, memperhalusi butiran pelaksanaan, serta menyelaras persediaan utama ke arah kejayaan program. Perbincangan ini untuk menjawab persoalan, menyelaras hala tuju bersama, serta memastikan projek mikro belia ini memberi impak positif kepada komuniti selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan.


Meetings were held with Youth SDG Agent groups supported through grants from SAY. The sessions served as a platform to share programme updates, refine implementation details, and strengthen coordination to ensure effective delivery. These discussions not only aligned objectives but also addressed key questions, paving the way for impactful youth-led initiatives that contribute to the Sustainable Development Goals.

25.8.2025

Mesyuarat Kemajuan Projek Mikro Belia SDG Agent

Youth SDG Agent Micro Projects Progress Meetings

101



Mesyuarat susulan telah diadakan bersama UPTM bagi meneliti persiapan untuk Bengkel ESG-SDG yang akan berlangsung pada 23-24 September 2025. Lawatan tapak turut dibuat ke Dewan Nilam yang disahkan sebagai lokasi rasmi bengkel. Bengkel ini mendapat sokongan padu daripada MARA yang akan menghantar seramai 30 usahawan dari pelbagai negeri untuk turut serta.


A follow-up meeting was held with UPTM to review preparations for the upcoming ESG-SDG Workshop, scheduled for 23–24 September 2025. The team also visited Dewan Nilam, which has been confirmed as the official venue. We are pleased to receive strong support from MARA, which will be sending 30 entrepreneurs from across Malaysia to participate.

26-27.8.2025

Latihan Kesedaran Media mengenai Kesaksamaan Gender & SRHR

Media Sensitization Training on Gender Equality & SRHR

102



Kezia Sim telah menyertai latihan Pemekaan Media berkenaan Kesaksamaan Jantina dan SRHR anjuran ARROW yang berlangsung di The Kuala Lumpur Journal Hotel, Bukit Bintang. Bengkel ini menekankan strategi pelaporan media yang lebih bertanggungjawab, termasuk bagaimana tajuk utama, kandungan dalam talian dan penerbitan mampu membentuk persepsi masyarakat. Perhatian khusus diberikan kepada isu yang memberi kesan kepada kumpulan minoriti seperti wanita, orang kurang upaya, pelarian dan komuniti tanpa kerakyatan.

Kezia Sim joined the Media Sensitization Training on Gender Equality and Sexual and Reproductive Health and Rights (SRHR) organised by ARROW at The Kuala Lumpur Journal Hotel, Bukit Bintang. The workshop aimed to strengthen responsible media reporting, with discussions on how headlines, online content, and publications can shape public perception. Special focus was given to challenges faced by minority groups, including women, persons with disabilities, refugees, and stateless communities.

27.8.2025

Lawatan Pemantauan Latihan Industri

Internship Monitoring Visit

103



Dr. Velan Kunjuraman, penyelia pelatih dari UKM, telah melawat jabatan kami sempena tiga orang pelatih iaitu Amirul, Najwa dan Syafiqah yang akan menamatkan latihan industri pada 12 September 2025. Kami merakamkan penghargaan kepada Dr. Velan atas sokongan berterusan, bukan sahaja dengan menempatkan pelajar beliau untuk latihan industri, tetapi juga melalui penyertaan beliau dan pelajarnya dalam program-program kami sebelum ini. Kerjasama sebegini memperkuuh hubungan akademik dan praktikal ke arah pembangunan modal insan berkualiti, selari dengan agenda SDG.


Today, our department welcomed Dr. Velan Kunjuraman, internship supervisor from UKM, in conjunction with the upcoming completion of three interns, Amirul, Najwa and Syafiqah on 12 September 2025. We sincerely thank Dr. Velan for his continuous support — not only for placing his students with us for internship, but also for the valuable participation of both him and his students in our past programmes. Such collaborations strengthen the bridge between academia and practice, nurturing future talents in line with the SDGs.

28.8.2025

Mesyuarat Bersama Youth Parliament of Kenya

Meeting with the Youth Parliament of Kenya

104



APPGM-SDG dan MySDG Academy telah mengadakan mesyuarat produktif bersama Youth Parliament of Kenya bagi membincangkan inisiatif belia dan peluang kerjasama strategik. Pertemuan ini memperkuuh hubungan serantau serta membuka ruang bagi jaringan belia rentas negara. Mereka menyatakan minat untuk menjalin kerjasama rasmi bersama MySDG Academy, selain mengiktiraf penglibatan belia Malaysia dalam sistem APPGM-SDG yang diketengahkan semasa Mesyuarat Zoel 2024 di UN Civil Society Conference di Kenya.

APPGM-SDG and MySDG Academy held a fruitful discussion with the Youth Parliament of Kenya to explore youth initiatives and opportunities for strategic collaboration. The dialogue strengthened regional connections and fostered the spirit of cross-border youth engagement. They expressed strong interest in forming an official partnership with MySDG Academy, while recognising Malaysia's youth participation within the APPGM-SDG system highlighted at the Zoel 2024 session during the UN Civil Society Conference in Kenya.

30.8.2025

Sesi Latihan Akademi MySDG bersama 7979

MySDG Academy Training Session with 7979

105



Akademi MySDG telah menyampaikan sesi latihan bersama 7979, sebuah pertubuhan berdasarkan kepercayaan yang mempunyai rangkaian 190 gereja di seluruh negara. Sesi ini membuka perbincangan bermakna tentang bagaimana prinsip SDG dan ESG dapat diintegrasikan dalam kerja komuniti mereka. Inisiatif ini penting kerana ia menyokong pemerkasaan komuniti dan memacu amalan lestari dalam rangkaian mereka, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Penglibatan Pelbagai Pihak Berkepentingan. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sesi ini.


MySDG Academy delivered a training session with 7979, a faith-based organisation connecting with 190 churches nationwide. The session sparked meaningful discussions on how SDG and ESG principles can be integrated into their community work. This initiative is significant as it promotes community empowerment and drives sustainable practices within their networks, in line with the Sustainable Development Goals (SDG) and Multi-Stakeholder Engagement. Appreciation to everyone involved in making this session a success.

PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION

7.8.2025

Webinar Perancangan Perbandaran Inklusif & Berdaya Huni Inclusive & Liveable Urban Planning Webinar

106



Syaza telah menyertai webinar anjuran Malaysian Institute of Planners (MIP) bertajuk "Evolusi Perancangan Perbandaran Inklusif dan Berdaya Huni di Malaysia" yang dikendalikan oleh TPr Mohammad Fahmi Alias, Pengarah Urban Scale Studio Sdn. Bhd. Penyertaan ini bertujuan menambah pengetahuan dan nilai tambah dalam penyediaan analisis situasi APPGM-SDG. Sesi ini menekankan kepentingan perancangan bandar yang inklusif dan lestari, selari dengan prinsip Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dalam aspek keterangkuman masyarakat, kesejahteraan hidup, dan kelestarian persekitaran bandar.

Syaza participated in a webinar organised by the Malaysian Institute of Planners (MIP) titled "The Evolution of Inclusive and Liveable Urban Planning in Malaysia", led by TPr Mohammad Fahmi Alias, Director of Urban Scale Studio Sdn. Bhd. This participation serves as a valuable knowledge enhancement for APPGM-SDG's situational analysis work. The session highlighted the importance of urban planning that is inclusive, liveable, and sustainable—reflecting the principles of the Sustainable Development Goals (SDGs), particularly in promoting community inclusivity, quality of life, and resilient urban environments.

8.8.2025

Diskusi Isu 'Kampung dalam Bandar'

Dialogue on 'Village in the City' Issue

107



APPGM-SDG menerusi Jabatan Penyelaras Parlimen telah mengadakan perbincangan bersama Ahli Parlimen Ampang, YB Rodziah Ismail, bagi meneliti isu 'Kampung dalam Bandar'. Sesi ini membincangkan keperluan, potensi, serta cabaran yang dihadapi oleh setiap kampung di kawasan bandar. Hasil perbincangan menunjukkan potensi untuk melaksanakan kajian jangka pendek mengenai nilai dan peranan kampung dalam bandar.

APPGM-SDG's Parliamentary Coordination Department held a discussion with Ampang Member of Parliament, YB Rodziah Ismail, to explore the 'Village in the City' issue. The session reviewed community needs, potential, and challenges faced by these urban villages. The dialogue identified opportunities for a short-term study on the value and role of urban villages

14.8.2025

Forum Perbandaran Lestari ASEAN ASEAN Sustainable Urbanisation Forum

108

APPGM-SDG telah menghadiri Forum Perbandaran Lestari ASEAN (ASUF) di KLCC, melibatkan dua sesi utama: *Vision for Future Cities and Regions: Opportunities to Transform* dan *Towards Climate Resilient Malaysian Cities: Implementing Green City Action Plan* yang menampilkan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pulau Pinang, Kangar dan Kuching.

APPGM-SDG participated in the ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF) at KLCC, joining two key sessions: Vision for Future Cities and Regions: Opportunities to Transform and Towards Climate Resilient Malaysian Cities: Implementing Green City Action Plan, featuring Kota Bharu Municipal Council, Penang, Kangar, and Kuching.

14.8.2025

Bengkel GRB anjuran Wanita Berdaya Selangor GRB Workshop by Wanita Berdaya Selangor

109

Syaza dan Aisyah telah menyertai bengkel secara dalam talian yang dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor, dengan bimbingan Cik Omna serta penyertaan pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dan Majlis Perbandaran Sepang.

Syaza and Aisyah joined the online Gender Responsive Budgeting (GRB) workshop organized by Wanita Berdaya Selangor, guided by Ms. Omna and with participation from local authorities including Ampang Jaya Municipal Council, Petaling Jaya City Council and Sepang Municipal Council.

19.8.2025

Perbincangan Kajian Komuniti Cina Kepong Study on the Chinese Community in Kepong

110

Sesi perbincangan bersama Dr. Lee dari Jabatan Pengajian Cina, Universiti Malaya telah diadakan bagi membincangkan kerjasama penyelidikan berkaitan komuniti Cina di Kepong. Perbincangan turut menyentuh perancangan penganjuran sebuah forum mengenai isu kemiskinan dan pembangunan dalam kalangan komuniti tersebut. Turut hadir ialah Prof. Fatimah Kari, Prof. Suhaiza dan Dato' Sri Mustapa Mohamed telah bersama-sama membincangkan kajian kontemporari MPI serta semakan hasil kajian terdahulu di Malaysia dan organisasi berkaitan.

A meeting was held with Dr. Lee from the Department of Chinese Studies, University of Malaya, to explore collaboration on research focusing on the Chinese community in Kepong. The discussion also touched on organising a forum on poverty and development within the community. Also present were Prof. Fatimah Kari, Prof. Suhaiza and Dato' Sri Mustapa Mohamed, who contributed to discussions on contemporary MPI studies and reviews of past research in Malaysia and related organisations.

26.8.2025

Mesyuarat Dalaman Jabatan Penyelarasan Parlimen Constituency Coordination Department Internal Meeting

111



Pasukan Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen (CCD) telah mengadakan mesyuarat dalaman bagi menilai semula tumpuan keseluruhan pasukan menjelang tahun 2026 dan seterusnya. Perbincangan turut meneliti jurang dan cabaran sepanjang 1-2 tahun kebelakangan ini, di samping mengenal pasti ruang penambahbaikan di peringkat individu dan jabatan. Langkah ini penting untuk memastikan hala tuju pasukan selari dengan aspirasi pembangunan mampan serta mengekalkan semangat kerja berpasukan yang inklusif.

The CCD team held an internal meeting to realign its focus for 2026 and beyond. The session reflected on gaps and challenges faced over the past two years while identifying areas for personal and departmental improvement. This process strengthens team cohesion and ensures that collective aspirations remain aligned with sustainable development goals. Through reflection and forward planning.

27.8.2025

Lawatan Pemantauan Latihan Industri Internship Monitoring Visit

112



Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen telah menerima kunjungan Dr. Velan, penyelia latihan industri dari UKM, bagi menilai kemajuan latihan industri Ain yang bakal berakhir pada pertengahan September. APPGM-SDG merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan Dr. Velan, bukan sahaja melalui penempatan pelajar untuk latihan industri, malah juga melalui penglibatan beliau dan para pelajar dalam program-program kami sebelum ini.

Constituency Coordination Department welcomed Dr. Velan, internship supervisor from UKM, for a review session on Ain's internship, which will conclude in mid-September. We deeply appreciate Dr. Velan's continuous support — not only by placing students for internships, but also through his and his students' active participation in our past programmes.

29.8.2025

Perbincangan Pasukan Pembangunan Kapasiti: Menyemak Kemajuan & Perancangan Hadapan CB Team Discussion: Progress & Future Planning

113



Pasukan Pembangunan Kapasiti (CB) telah mengadakan sesi perbincangan bagi menilai kemajuan bengkel CB 2025 serta cabaran yang dihadapi. Sehingga kini, sebanyak 22 sesi telah berjaya dilaksanakan, dengan baki 10 sesi yang akan diteruskan pada suku keempat tahun ini. Mesyuarat turut memberi tumpuan kepada perancangan awal pelaksanaan CB 2026, sebagai langkah memastikan pendekatan yang lebih teratur dan berkesan pada tahun hadapan.

The CB team held a review session to track the progress of the 2025 workshops and address ongoing challenges. To date, 22 workshops have been successfully completed, with 10 more scheduled for Q4 this year. The team also began early preparations for the 2026 implementation, ensuring a more structured and well-coordinated approach moving forward.

JABATAN PENGURUSAN PROJEK |

PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

4.8.2025

Mesyuarat Penyelarasan Persiapan Capacity Building

Capacity Building Preparation Meeting

114



Pada 4 Ogos 2025, Ara, Dana, Kartiga, dan Vikneswaran dari Jabatan Pengurusan Projek telah mengadakan sesi perbincangan bagi menyelaras persiapan program Pembangunan Kapasiti (CB) yang akan datang. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada penyelarasan tugas utama, semakan kemajuan semasa, dan memastikan segala keperluan siap sedia untuk pelaksanaan.

On 4 August 2025, Ara, Dana, Kartiga and Vikneswaran from the Project Management Department met to coordinate preparations for the upcoming Capacity Building (CB) programme. The discussion centred on aligning key tasks, reviewing progress, and ensuring readiness for smooth implementation.

4.8.2025

Perbincangan Pengukuhan Usaha Keterjaminan Makanan

Strengthening Food Security Efforts

115



Ara dan Dana dari PMD telah mengadakan perbincangan produktif bersama Dr Larry mengenai pengukuhan usaha keterjaminan makanan sedia ada. Perbincangan merangkumi peluang memperluas capaian projek, menambah baik pengumpulan data, dan membangunkan kerangka penilaian impak yang mantap, dengan Dr Larry memberikan pandangan serta sokongan berharga untuk langkah seterusnya.

Ara and Dana from PMD held a productive discussion with Dr Larry on enhancing ongoing food security initiatives. The conversation explored opportunities to expand project outreach, improve data collection, and establish a robust impact evaluation framework, with Dr Larry offering valuable insights and support for the way forward.

5.8.2025

Mesyuarat Jabatan Pengurusan Projek

Project Management Department Meeting

116



Mesyuarat Jabatan Pengurusan Projek telah diadakan pada 5 Ogos 2025 bagi menilai kemajuan pelaksanaan projek serta merancang langkah seterusnya. Pegawai projek telah membentangkan perkembangan terkini bagi inisiatif masing-masing, diikuti perbincangan mengenai program pembangunan kapasiti bersama penyedia penyelesaian.

On 5 August 2025, the Project Management Department convened to review project progress and outline the next steps. Officers provided updates on their respective initiatives, followed by discussions on the upcoming capacity-building programme with solution providers.

7.8.2025

Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Kapasiti & Penerbitan

Coordination Meeting on Capacity Building & Publications

117



Ara dan Hirza telah memimpin mesyuarat penyelarasan bersama pasukan projek bagi persiapan program pembangunan kapasiti dan penerbitan yang bakal dilaksanakan. Sesi ini memberi tumpuan kepada penyelarasan strategi dan pengurusan pelaksanaan agar hasil program dapat memberi impak yang maksimum kepada komuniti sasaran.

Ara and Hirza led a coordination meeting with the project team to prepare for upcoming capacity building programmes and publications. The discussion focused on aligning strategies and managing implementation to maximise the impact for target communities.

11.8.2025

Persediaan Program Pembangunan Kapasiti di Sabah

Capacity Building Preparations in Sabah

118



Pasukan Pembangunan Kapasiti (CB) bersama pasukan APPGM-SDG Sabah giat membuat persiapan bagi Program Pembangunan Kapasiti yang akan berlangsung di Tuaran pada 12 Ogos dan Putatan pada 13 Ogos 2025. Program ini bertujuan memperkuuh kemahiran, pengetahuan dan rangkaian pemimpin komuniti setempat, selaras dengan aspirasi SDG dalam membina komuniti berdaya tahan dan inklusif.

The Capacity Building (CB) team, together with APPGM-SDG Sabah, is finalising preparations for the upcoming Capacity Building Program in Tuaran (12 August) and Putatan (13 August) 2025. These programmes aim to strengthen the skills, knowledge, and networks of local community leaders, advancing the SDG vision for resilient and inclusive communities.

14-15.8.2025

Bengkel Pembangunan Kapasiti & Perancangan

Capacity Building & Planning Retreat

119



APPGM-SDG bersama Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad dan Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kapasiti dan Perancangan. Seramai 33 peserta yang merupakan Rakan Solusi APPGM-SDG menghadiri program ini. Bengkel ini bertujuan memperkuuh jaringan dan merangka pelan 5 tahun bagi kedua-dua organisasi. PRS-MPL memberi fokus kepada advokasi dasar dan pembangunan kapasiti, manakala Koperasi menekankan penjanaan pendapatan melalui konsep ekonomi solidariti sosial (SSE).

APPGM-SDG together with Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad and Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) organized a Capacity Building and Planning Workshop. A total of 33 participants who are APPGM-SDG Solution Partners attended this program. This workshop aimed to strengthen networks and formulate a 5-year plan for both organizations. PRS-MPL focuses on policy advocacy and capacity building, while the Cooperative emphasizes income generation through the social solidarity economy (SSE) concept.

15.8.2025

Sesi Refleksi & Perancangan Retreat Persatuan-Koperasi

Cooperative-Association Retreat Reflection & Planning

120



YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan, Ahli Lembaga Pengarah, telah mengendalikan sesi refleksi susulan pembentangan perancangan oleh ahli koperasi dan persatuan. Sesi ini memberi ruang kepada penilaian semula strategi serta pengukuhan peranan koperasi dan persatuan dalam pembangunan komuniti setempat.

YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan, Member of the Board of Directors, led a reflection session following the planning presentations by cooperative and association members. The session provided a valuable platform to reassess strategies and strengthen the role of cooperatives and associations in advancing community development.

17.8.2025

Latihan Muay Thai Komuniti

Community Muay Thai Training

121



Latihan Muay Thai komuniti terus dijalankan dibawah jejambat, menjadi ruang alternatif yang bermakna bagi golongan marginal di pinggir bandar. Inisiatif ini bukan sekadar aktiviti sukan, tetapi juga usaha membina solidariti sosial dan mengelakkan gejala tidak sihat dalam kalangan belia seperti penyalahgunaan dadah dan aktiviti rempit.

Community Muay Thai sessions continue to take place beneath the highway, creating a meaningful safe space for marginalised groups living on the urban periphery. More than just sport, it is a proactive approach to preventing anti-social behaviour — from drug use to street racing — by empowering youth through solidarity and inclusion.

18.8.2025

Mesyuarat Persediaan Program Pembangunan Kapasiti

Preparatory Meeting for Capacity Building Program

122



Satu mesyuarat persediaan telah diadakan oleh Pasukan PMD bagi menjayakan Program Pembangunan Kapasiti yang dijadualkan pada 22-24 Ogos 2025. Mesyuarat ini menumpukan kepada penyelarasan persiapan serta memperkemas peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat.

The PMD team convened a preparatory discussion in anticipation of the upcoming Capacity Building Program, scheduled for 22-24 August 2025. The meeting focused on refining preparations and updating responsibilities among those involved.

21.8.2025

Sesi Libat Urus Jabatan Pengurusan Projek bersama En James

PMD Engagement Session with Mr. James

123



James Ryan Raj telah mengadakan sesi bersama semua staf Jabatan Pengurusan Projek bagi membincangkan perkembangan projek CBDP dan FS, serta hala tuju desentralisasi pegawai wilayah. Sesi ini turut menjadi wadah untuk menilai pembelajaran utama projek yang boleh dibawa ke tahun 2026, di samping mengumpul pandangan dan cadangan berharga daripada warga kerja.

James Ryan Raj met with all PMD staff to share updates on the CBDP and FS projects, while also addressing the decentralization of regional officers. The session served as a platform to reflect on key project learnings for 2026 and to gather meaningful input from staff

26.8.2025

Pemantauan Bulanan Projek Keterjaminan Makanan

Monthly Monitoring of Food Security Project

124



Pemantauan bulanan Ogos bagi Projek Keterjaminan Makanan telah dijalankan oleh Dana, Darshini, Tiya, Corrin, Janet, Amirul dan Shai dengan penyertaan 40 Rakan Solusi. Turut hadir ialah ahli baharu SP yang baru memulakan projek masing-masing dan hadir untuk memerhati serta memahami aliran pembentangan. Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran komuniti dalam pengurusan projek makanan, tetapi juga mengukuhkan jaringan kerjasama antara ahli lama dan baharu.

The August monitoring session for the Food Security Project was carried out by Dana, Darshini, Tiya, Corrin, Janet, Amirul, and Shai, with the participation of 40 Solution Providers. New members who had recently begun their projects also joined to observe and learn from the presentation process. These sessions not only build members' capacity in managing food security projects but also foster stronger collaboration between existing and new participants.

26.8.2025

Mesyuarat Bersama Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA)

Meeting with Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

125



Jabatan Pengurusan Projek telah dijemput menghadiri mesyuarat bersama Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) pada 26 Ogos 2025 untuk membincangkan potensi kerjasama bagi penganjuran program yang bakal memperkuuh usaha SDG di Wilayah Utara Malaysia. Mesyuarat ini turut disertai oleh Puan Ara, Encik Vikneswaran, Cik Rose, Cik Kartiga bersama empat pegawai NCER.

On 26 August 2025, the PMD Department was invited to a meeting with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) to explore potential collaboration on an upcoming program aimed at strengthening SDG efforts in Malaysia's Northern Region. The session was attended by Ms. Ara, Mr. Vikneswaran, Ms. Rose, Ms. Kartiga, along with four NCER officers.

27.8.2025

Mesyuarat Unit Keterjaminan Makanan Food Security Unit Meeting

126



Unit Keterjaminan Makanan telah mengadakan mesyuarat pada 27 Ogos 2025 bagi menilai peranan individu, memperjelas tanggungjawab, serta membincangkan penyerahan tugas untuk memastikan kelangsungan kerja yang lancar. Langkah ini penting bagi memperkuuh keberkesanan pasukan dan memastikan kesinambungan program Keterjaminan Makanan, selari dengan usaha memperkasakan komuniti dan menyokong pencapaian SDG.

The Food Security unit held a meeting to review individual roles, clarify responsibilities, and plan for the handover of tasks to ensure smooth continuity of work. This process strengthens team effectiveness and ensures the sustainability of the Food Security programme, contributing to community empowerment and advancing SDG targets.

27.8.2025

Mesyuarat Susulan bersama Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif Follow-up Meeting with Acting Deputy Executive Director

127



Pasukan APPGM-SDG yang diwakili oleh Ara dan Vikneswaran telah mengadakan pertemuan bersama Encik James Ryan Raj, Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif. Perbincangan ini menyentuh perkembangan daripada program *retreat* koperasi-persatuan yang berlangsung dua minggu lalu, persiapan acara akan datang, serta penyelarasan hala tuju *deliverables* utama.

APPGM-SDG representatives Ara and Vikneswaran met with Mr. James Ryan Raj, Acting Deputy Executive Director. The discussion reviewed updates from the recent cooperative-association retreat, planned upcoming events, and aligned on key deliverables.



OGOS 2025

JABATAN SOLUSI DASAR |
POLICY SOLUTION DEPARTMENT


JABATAN SOLUSI DASAR |

POLICY SOLUTIONS DEPARTMENT

11.8.2025

Mesyuarat Pemantauan Zon Pantai Timur East Coast Zone Monitoring Meeting

128



Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat pemantauan bersama Ketua Zon dan Penyelaras Tempatan (LC) Zon Pantai Timur bagi membincangkan perkembangan gerak kerja serta perancangan LC. Puan Faros turut hadir memberikan penjelasan terperinci mengenai persediaan Program Pembangunan Kapasiti yang bakal dilaksanakan. LC di Zon Pantai Timur menunjukkan kemajuan yang positif dan semakin memahami skop serta tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan inisiatif intervensi dasar. Sehingga kini, mereka telah berjaya melaksanakan 7 sesi FGD dan 8 kajian MPI secara kendalian penuh — satu pencapaian penting dalam mengukuhkan usaha berasaskan SDG di peringkat komuniti.

The Policy Solutions Department convened a monitoring meeting with the East Coast Zone Head and Local Coordinators (LC) to review progress and upcoming plans. Ms. Faros provided an in-depth briefing on preparations for the Capacity Building Programme to be implemented soon. East Coast LC teams have shown strong progress, with growing clarity on their roles in advancing policy intervention initiatives. To date, they have successfully conducted 7 FGDs and 8 MPI studies — a significant milestone in strengthening SDG-driven efforts at the community level.

16.8.2025

'Dari Kampung ke Parlimen' 'From Village to Parliament'

129




Sesi peer learning 'Dari Kampung ke Parlimen' bagi inisiatif intervensi dasar, hasil usahasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah, telah berlangsung pada pagi ini. Sesi yang dikendalikan oleh moderator, Faros, menampilkan enam penceramah termasuk Dr. Siti (Ketua Zon Pantai Timur) bersama penyelaras tempatan merentasi zon dan wilayah – Lailah, Sherley, Maznah, Nur Aina dan Suhairlie. Perkongsian menekankan strategi kepimpinan zon, pengalaman penyelaras dalam mengurus cabaran lapangan, peranan kepimpinan Pegawai Daerah, penerimaan agensi serta keunikan komuniti setempat.

This morning, APPGM-SDG and Yayasan Hasanah co-hosted a peer learning session under the policy intervention initiative titled 'From Village to Parliament'. Moderated by Pn. Faros, the discussion brought together six speakers, led by Dr. Siti (East Coast Zone Lead), alongside local coordinators from across zones and regions – Pn. Lailah, Pn. Sherley, Pn. Maznah, Pn. Nur Aina and Pn. Suhairlie. The session highlighted key aspects such as zone leadership strategies, on-the-ground challenges and solutions, the role of District Officers, agency engagement, and the unique strengths of each locality.

18.8.2025

Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Pantai Timur Hari Pertama
East Coast Local Coordinators Monthly Monitoring Day 1

130




Pemantauan Bulanan Ogos telah diadakan secara dalam talian bersama lapan Penyelaras Tempatan (LC) Pantai Timur melalui *Zoom Breakout Room 1*. Salah satu perkongsian utama datang daripada LC Kuala Nerus, yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa SDG Hulu Terengganu. Sesi ini menekankan peranan JAKOA dalam mengurus hal ehwal Orang Asli, di mana perbincangan perlu dilaksanakan dengan penuh kepekaan budaya.

The August Monthly Monitoring brought together all eight East Coast Local Coordinators (LCs) in Zoom Breakout Room 1. A key reflection was shared by Kuala Nerus LC, who attended the inaugural Hulu Terengganu SDG Committee Meeting. The discussion shed light on JAKOA's role in managing Orang Asli affairs, where cultural sensitivity is paramount.

18.8.2025

Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Utara
North Zone Local Coordinator Monthly Monitoring

131



Penyelaras Tempatan (LC) Zon Utara telah dijalankan melalui *Zoom Breakout Room 2* dengan kehadiran semua 11 LC dari zon tersebut. Kebanyakan LC berada di landasan yang betul dengan hampir semua telah menyiapkan tinjauan MPI dan kini dalam proses penyediaan laporan. Antara cabaran utama yang dikongsi ialah kelewatan mendapatkan kelulusan daripada SUK Perak.

APPGM-SDG launched a 3-day training programme for 8 newly appointed Local Coordinators. The programme encompasses three modules of the Multidimensional Poverty Index (MPI) Study along with capacity building components specifically designed for community leaders and local agencies.

19.8.2025

Sesi Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Tengah (Hari Kedua)
LC Monthly Monitoring: Central Zone (Second Day)

132




Perbincangan ini menekankan kepentingan perkongsian ilmu, pembangunan kapasiti dan semangat kerjasama dalam memperkuuh pelaksanaan projek. Walaupun beberapa cabaran dibangkitkan, termasuk kekangan fasiliti, masa dan pemantauan kewangan, ia menjadi peluang pembelajaran untuk menambah baik perancangan dan pelaksanaan. Komitmen untuk memperluas rangkaian kerjasama dengan NGO, pihak berkuasa tempatan dan sesama penyelaras juga menjadi tumpuan bagi mengangkat amalan terbaik di peringkat lapangan.

The discussion underscored the importance of knowledge sharing, capacity building, and teamwork in driving project success. While challenges such as limited facilities, time constraints, and financial monitoring were raised, they also provided valuable lessons for improving planning and implementation. Notably, the commitment to strengthen networks with NGOs, local authorities, and fellow coordinators stood out as a key step to adopt best practices on the ground.

19.8.2025

Sesi Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Selatan
LC Monthly Monitoring: South Zone

133



Sesi Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Selatan bagi bulan Ogos bersama 9 orang Penyelaras Tempatan (LC) di Breakout Room 1. LC Zon Selatan baru sahaja menyiapkan kajian MPI dan kini dalam proses mengemukakan laporan penempatan. Antara cabaran yang dihadapi adalah salah faham semasa kerja lapangan apabila ada responden menyangka mereka sebagai penipu. Dengan sokongan JPKK dan penghulu, kepercayaan berjaya dibina sehingga kajian dapat diselesaikan dengan baik.

The LC Monthly Monitoring session for the South Zone was held in Breakout Room 1 with 9 Local Coordinators (LCs). The South LCs recently completed their MPI study and are now submitting their settlement reports. One of the challenges faced was being mistaken for scammers during fieldwork. With the support of JPKK and the village head (penghulu), they were able to build trust with respondents and complete the study successfully.

20.8.2025

Sesi Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Sarawak
LC Monthly Monitoring: Sarawak Region

134



Sesi Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Sarawak bersama 9 orang Penyelaras Tempatan (LC) di Breakout Room 2. Perbincangan memberi tumpuan kepada cabaran lapangan yang dihadapi, pengajaran yang diperoleh serta amalan terbaik untuk memperkuuh kerja pada masa hadapan. Antara cabaran utama termasuk kesukaran menyusun pertemuan dengan pemimpin setempat yang sibuk, kekangan capaian data mudah alih di kawasan pedalaman untuk kajian MPI, serta keadaan jalan raya yang kurang memuaskan.


The LC Monthly Monitoring session for the Sarawak Region was held with 9 Local Coordinators (LCs) in Breakout Room 2. The discussion focused on the challenges faced in the field, lessons learnt, and best practices to strengthen future work. Key issues raised included difficulties in arranging meetings due to local leaders' tight schedules, limited mobile data connection in remote areas for MPI studies, and poor road conditions affecting mobility.

20.8.2025

Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan Sabah

LC Sabah Monthly Monitoring

135



Hari ketiga Pemantauan Bulanan Ogos telah berlangsung secara maya bersama Penyelaras Tempatan (LC) Sabah, yang kini giat menjalankan kajian Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) di seluruh negeri. Walaupun berdepan cabaran geografi yang sukar — meredah sungai dengan bot, mendaki bukit curam, menyusuri landasan kereta api, hingga memandu kenderaan pacuan empat roda merentasi sungai — komitmen luar biasa LC Sabah memastikan setiap isi rumah tidak tercincir daripada kajian ini.

On Day 3 of the August Monthly Monitoring, LC Sabah shared their ongoing efforts in conducting the Multidimensional Poverty Index (MPI) study across the state. Facing immense geographical challenges — from rowing boats through shallow rivers, hiking steep ridges, walking railway tracks, to driving 4WD vehicles across rivers — the LCs showed remarkable determination to reach even the most remote households.

28.8.2025

Sesi Latihan Penyelarasan Tempatan

Local Coordinator Training Session

136



Satu sesi latihan telah berlangsung di Bilik Mesyuarat 1 untuk menyambut Penyelaras Tempatan (LC) baharu bagi kawasan Batang Sadong, Sarawak iaitu Encik Aqmal. Sesi ini dipimpin oleh Puan Faros dengan memberi tumpuan kepada deliverables utama Jabatan Penyelesaian Dasar melalui tiga modul teras: Kajian Kemiskinan Multidimensi (MPI), Capacity Building untuk Pemimpin Komuniti dan Capacity Building untuk Agensi Kerajaan. Latihan ini amat penting untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran kepada LC agar mampu melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan di kawasan Parlimen beliau.

A training session was held in Meeting Room 1 for our newly appointed Local Coordinator (LC) for Batang Sadong, Sarawak, Mr. Aqmal. Led by Puan Faros, the session introduced the key deliverables of the Policy Solutions Department through three core modules: Multidimensional Poverty Index (MPI), Capacity Building for Community Leaders, and Capacity Building for Government Agencies. This training equips the LC with the essential knowledge and skills to carry out his responsibilities effectively in his constituency.



OGOS 2025

JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN
| PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY

6.8.2025

Taklimat Pembentang Bagi Sesi Meja Bulat

Presenter Briefing for Roundtable Discussion

137



PPAD telah mengadakan taklimat bersama pakar bidang yang akan membentangkan tema masing-masing dalam Sesi Meja Bulat yang dijadualkan berlangsung minggu hadapan. Taklimat ini merangkumi aliran perjalanan sesi serta garis panduan pembentangan.


PPAD conducted a briefing with subject matter experts who will present on their assigned themes during next week's Roundtable Discussion. The session covered the flow of the event and presentation guidelines.

8.8.2025

Perbincangan Pemetaan Isu & Data Pusat Pemulihan Dalam Kumpulan

Policy & Data Mapping Discussion on Community-Based Rehabilitation (CBR)

138



Jabatan Advokasi Dasar Parlimen dan Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG telah mengadakan perbincangan dalam talian bagi membincangkan strategi pemetaan isu dan pengumpulan data berkaitan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di 55 kawasan Parlimen seluruh Malaysia. Sebagai langkah awal, pelaksanaan akan dimulakan melalui kajian rintis di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

The Parliamentary Policy Advocacy Department and Policy Solutions Department of APPGM-SDG convened an online meeting to plan issue mapping and data collection related to Community-Based Rehabilitation (CBR) centres across 55 parliamentary constituencies in Malaysia. As a starting point, a pilot study will be carried out in the northern region of Peninsular Malaysia.



OGOS 2025

JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN
| PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

18.8.2025

Perbincangan Kerjasama Pendidikan Awal Kanak-Kanak Early Childhood Education Policy Dialogue

139



Satu perbincangan dalam talian telah diadakan antara Dr. Ken, Dr. Khairil dan pihak pengurusan Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) bagi membincangkan kerjasama dalam memberi input serta memantau pelaksanaan RMK-13, khususnya berkaitan pendidikan awal kanak-kanak dan reformasi pendidikan negara.

An online discussion took place between Dr. Ken, Dr. Khairil and the leadership of the Registered Childcare Providers Association of Malaysia (PPBM) to explore collaboration in providing input and monitoring the implementation of the 13th Malaysia Plan (RMK-13), particularly on early childhood education and national education reform.

19.8.2025

Perbincangan Kajian Kemiskinan Multi-Dimensi di Pulau Redang Multi-Dimensional Poverty Study Discussion in Pulau Redang

140



Sesi perbincangan bersama penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenai kajian kemiskinan multi-dimensi yang bakal dijalankan di Pulau Redang pada September 2025. Kajian ini penting untuk memahami cabaran sebenar komuniti pulau kecil dari perspektif sosioekonomi dan kesejahteraan hidup. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penulisan laporan dasar yang lebih inklusif dan berpaksikan kepada realiti komuniti.

A discussion with researchers from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) on the upcoming multi-dimensional poverty study in Pulau Redang, scheduled for September 2025. This study will shed light on the socio-economic challenges and well-being of small island communities, providing crucial insights for policy recommendations that are both inclusive and evidence-based.

PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

8.8.2025

Mesyuarat Eksekutif Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari SDG Society Executive Committee Meeting

141



Mesyuarat Eksekutif Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari telah diadakan secara hibrid pada 8 Ogos 2025. Sesi ini menghimpunkan barisan kepimpinan untuk membincangkan hala tuju strategik, kemajuan pelaksanaan, dan peluang baharu dalam memperkuuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di Malaysia.

The Executive Committee Meeting of the Society for the Promotion of Sustainable Development Goals was held in hybrid format on 8 August 2025. The session brought together the leadership team to review strategic directions, track implementation progress, and explore new opportunities to advance SDG localisation in Malaysia.

19.8.2025

Mesyuarat Pengarah & Penyerahan Tugas Director & Handover Meeting

142



Satu mesyuarat pengarah bersama sesi penyerahan tugas telah diadakan sebelum Puan Rahmah memulakan cuti bersalin. Sesi ini memastikan kelancaran urusan pentadbiran serta kesinambungan pelaksanaan program dan aktiviti APPGM-SDG.

A director-level meeting and handover session were held ahead of Mrs. Rahmah's maternity leave. This important step ensures smooth administrative continuity and the uninterrupted progress of APPGM-SDG's programmes and activities.

26.8.2025

Sambutan Mini Hari Kemerdekaan di Ruang Mini Merdeka Celebration at Ruang

143



APPGM-SDG telah meraikan sambutan mini Hari Kemerdekaan di Ruang Komuniti MySDG dengan penuh makna. Majlis dimulakan dengan nyanyian Negaraku dan Jalur Gemilang, sebelum diakhiri dengan suasana mesra bersama hidangan kek. Walaupun sederhana, sambutan ini mencerminkan semangat perpaduan, kebanggaan dan kecintaan kepada tanah air. APPGM-SDG sentiasa mengangkat semangat kebersamaan ini dalam setiap usaha pembangunan komuniti.

APPGM-SDG held a meaningful mini Merdeka celebration at Ruang Komuniti MySDG. The event began with Negaraku and Jalur Gemilang, and ended on a warm note with cake shared among colleagues. Though simple, the celebration captured the true spirit of unity, pride, and love for the nation — values that continue to inspire APPGM-SDG's work with communities across Malaysia.

27.8.2025

Sesi Perkongsian Kewangan Bersama Pasukan Xero

Finance Team Catch-up with Xero

144



Jabatan Kewangan telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama pasukan Xero bagi membincangkan penambahbaikan sistem perakaunan dan pelaporan yang lebih mampan. Perbincangan ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan operasi serta ketelusan pelaporan kewangan, selaras dengan amalan tadbir urus baik dan matlamat pembangunan mampan.


The Finance team held a brief session with the Xero programmers to discuss improvements to the accounting and reporting system for a more sustainable one. We hope to improve operational efficiency and financial reporting transparency that in line with good governance practices and sustainable development goals.

28.8.2025

Mesyuarat Sumber Manusia Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif

Human Resource Meeting with Acting Deputy Executive Director

145



Encik James Ryan Raj dan Hazwan telah mengadakan mesyuarat khusus Sumber Manusia secara dalam talian bagi membincangkan perkara-perkara penting berkaitan pengurusan kakitangan. Sesi ini turut menyentuh mengenai persiapan Mesyuarat Kakitangan Suku Ketiga yang akan datang. Selain itu, satu perkongsian khas mengenai penambahbaikan sistem rekod dan pemantauan kakitangan telah dibentangkan.

Mr. James Ryan Raj and Hazwan convened a focused HR meeting via Zoom to address key workforce matters and to prepare for the upcoming 3rd Quarter Staff Meeting. The session provided meaningful updates and direction for all teams. A special segment was also dedicated to sharing upcoming enhancements to the staff record and monitoring system.

29.8.2025

Majlis Perpisahan Dana Bersama Rakan Pejabat


Farewell Gathering for Dana

146



APPGM-SDG mengadakan majlis perpisahan ringkas buat Dana yang bakal melanjutkan pelajaran ke Jepun. Acara ini diraikan bersama rakan-rakan pejabat sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan dedikasi beliau sepanjang bersama pasukan. Selamat maju jaya Dana, semoga terus cemerlang di peringkat global!

APPGM-SDG colleagues came together for a heartfelt farewell to Dana as she is leaving for further studies in Japan. The occasion marked our appreciation for her contributions and dedication during her time with the team. Wishing Dana every success in Japan and beyond!



SDG 17

KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat menjadi teras kepada pelaksanaan APPGM-SDG, di mana **kerjasama strategik dengan pelbagai pihak—termasuk Parlimen, agensi kerajaan, universiti, masyarakat sivil, dan sektor swasta**—digembleng untuk memperkuuh pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan ini, pelbagai jalinan kerjasama baharu telah dimeterai dan diperluas, membina ekosistem pelaksana yang lebih bersepada dan mampan. Ibu Pejabat memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan demi mencapai impak kolektif**.

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The Headquarters plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact**.*

Accomplished

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

6.8.2025

Sesi Perkongsian Penyelidikan di Asia School of Business

Research Sharing Session at Asia School of Business

147



Syadhira telah menghadiri sesi perkongsian penyelidikan di Asia School of Business yang dibentangkan oleh Athiphat Muthitachaen dari Chulalongkorn University bertajuk "How Carbon Tax Communication Shapes Fuel Use: Experimental Evidence from Thailand". Kajian ini meneliti sama ada mesej berkaitan cukai karbon dapat mempengaruhi corak penggunaan bahan api, walaupun cukai tersebut tidak menaikkan harga kerana hanya menggantikan sebahagian cukai eksais sedia ada.

Syadhira attended a research sharing session at the Asia School of Business, presented by Athiphat Muthitachaen from Chulalongkorn University, titled "How Carbon Tax Communication Shapes Fuel Use: Experimental Evidence from Thailand". The study examined whether different ways of framing carbon tax messages could influence fuel usage patterns—despite the tax not raising prices, as it replaced part of the existing excise tax.

6.8.2025

Sesi Perkongsian Ilmu Inisiatif Penyelesaian Dasa

Knowledge Sharing on Policy Solutions Initiative

148



Sesi perkongsian ilmu mengenai Inisiatif Penyelesaian Dasar telah diadakan bersama Penyelaras Tempatan Wilayah Sabah, warga kerja APPGM-SDG dan Dr. Jain dari UiTM Sabah selaku Pegawai Sumber Wilayah. Sesi ini berlangsung di Pejabat Wilayah APPGM-SDG Sabah dengan tumpuan kepada pengumpulan keunikan serta amalan terbaik daripada pertemuan Pegawai Daerah dan mesyuarat Jawatankuasa SDG di setiap lokasi. Inisiatif ini mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak di pelbagai peringkat bagi pembangunan dan kesejahteraan komuniti akar umbi.

A knowledge sharing session on the Policy Solutions Initiative was held with Sabah Region Local Coordinators, APPGM-SDG staff, and Sabah Resource Person Dr. Jain from UiTM Sabah. Hosted at the APPGM-SDG Sabah Regional Office, the discussion focused on capturing unique insights and best practices from District Officer engagements and SDG Committee meetings across various districts. This initiative strengthens multi-level collaboration to advance grassroots community development and well-being

13.8.2025

SSE & Kesejahteraan Bandar: Membaiayai Penyelesaian Komuniti

SSE & Urban Wellbeing: Financing Community-Based Urban Solutions

149



Sesi khas bertajuk "SSE & Urban Wellbeing: Financing Community-Based Urban Solutions" telah berlangsung di Peringkat Utama, Kuala Lumpur Convention Center sempena ASUF 2025. Sesi ini dikendalikan oleh Nur Farah Ezzaty (APPGM-SDG) dengan panelis terdiri daripada Nurul Syaza Mazelan (APPGM-SDG), Mohd Shukri Mustafa (Persatuan Bayu Damansara) dan Mohd Shafik Safarizan (Koperasi Kampung Paya Luboh Melaka Berhad).

At ASUF 2025, a dedicated session titled "SSE & Urban Wellbeing: Financing Community-Based Urban Solutions" was held at the Main Stage of the Kuala Lumpur Convention Center. The session was moderated by Nur Farah Ezzaty (APPGM-SDG) and featured panelists Nurul Syaza Mazelan (APPGM-SDG), Mohd Shukri Mustafa (Persatuan Bayu Damansara), and Mohd Shafik Safarizan (Koperasi Kampung Paya Luboh Melaka Berhad).

17.8.2025

Lawatan YB Ahli Parlimen Petaling Jaya ke Ruang Komuniti MySDG

Visit by Petaling Jaya MP to MYSDG Community Space

150



YB Tuan Lee Chean Chung, Ahli Parlimen Petaling Jaya, telah mengunjungi Ruang Komuniti MYSDG bersempena dengan Youth Legislative Cup. Lawatan ini turut memberi peluang untuk beliau berinteraksi secara langsung bersama para peserta program. Sesi seterusnya akan diadakan pada 30 Ogos, menampilkan pertandingan dalam kalangan peserta yang pastinya menjanjikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan bermanfaat.

YB Lee Chean Chung, Member of Parliament for Petaling Jaya, visited the MYSDG Community Space in conjunction with the Youth Legislative Cup. The visit provided an opportunity for him to directly engage with the young participants of the programme. The next session is scheduled for 30 August, where participants will take part in a competition designed to further strengthen their leadership and policy-making skills.

20.8.2025

Perbincangan Meja Bulat: National Convening on the Just Energy Transition for Malaysia

Roundtable Discussion: National Convening on the Just Energy Transition for Malaysia

151



Ira telah menyertai Perbincangan Meja Bulat sempena National Convening on the Just Energy Transition for Malaysia yang menghimpunkan pelbagai Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO). Sesi ini menjadi platform penting untuk bertukar pandangan serta memberikan input kepada draf Kertas Dasar GEDSI.


Ira joined the Roundtable Discussion during the National Convening on the Just Energy Transition for Malaysia, which brought together diverse Civil Society Organisations (CSOs) and community-based organisations (CBOs). The session served as a vital platform to exchange perspectives and provide inputs to the draft GEDSI Policy Paper.

29.8.2025

Webinar High-Level Political Forum (HLPF): Perkongsian Pengalaman dari New York

High-Level Political Forum (HLPF) Webinar: Lessons & Insights from New York

152



APPGM-SDG telah menganjurkan Webinar bertajuk HLPF: Sharing Lessons and Experiences from New York. Sesi ini dipengerusikan oleh Dr. Khairil Ahmad, Pengarah MySDG Centre for Social Inclusion, dengan panel yang terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli (Timbalan Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia), Ms. Omna Sreeni-Ong (Pengerusi Bersama Malaysian CSO-SDG Alliance) dan Dr. Teo Sue Ann (Pengarah Jabatan Advokasi Dasar Parlimen, APPGM-SDG). Tiga suara Malaysia yang baru kembali dari HLPF-SDG 2025 di New York telah berkongsi refleksi mereka berhubung VNR Malaysia — termasuk kejayaan, cabaran dan hala tuju ke hadapan. Perbincangan menekankan amalan terbaik antarabangsa, strategi penglibatan pelbagai pihak serta kerjasama yang diperlukan agar VNR Malaysia seajar dengan piawaian global dan pada masa sama memenuhi keutamaan tempatan.

APPGM-SDG organised a webinar titled HLPF: Sharing Lessons and Experiences from New York, moderated by Dr. Khairil Ahmad, Director of MySDG Centre for Social Inclusion. The panel featured Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli (Deputy President, Malaysian Social Science Association), Ms. Omna Sreeni-Ong (Co-chair, Malaysian CSO-SDG Alliance), and Dr. Teo Sue Ann (Director, Parliamentary Policy Advocacy, APPGM-SDG). Three Malaysian voices fresh from New York shared their experiences at HLPF-SDG 2025 and reflected on Malaysia's Voluntary National Review (VNR) journey — highlighting successes, challenges, and lessons learned. The discussion shed light on practical approaches, multi-stakeholder engagement, and collaborative strategies to ensure Malaysia's future VNRs are globally aligned yet locally grounded.

29.8.2025 Taklimat Dalam Talian bersama Pelajar UM

Online Briefing with UM Students

153



Paniirselvam dan Dr. Ken telah mengadakan sesi taklimat dalam talian bersama pelajar Universiti Malaya yang sedang melaksanakan projek SDG di Lembah Pantai. Kajian mereka memberi tumpuan kepada SDG 1 (Kemiskinan Sifar), SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), SDG 12 (Penggunaan & Pengeluaran Bertanggungjawab), serta SDG 13 (Tindakan Iklim) dalam konteks komuniti setempat.

Paniirselvam and Dr. Ken conducted an online briefing with Universiti Malaya students who are undertaking an SDG project in Lembah Pantai. Their study focuses on SDG 1 (No Poverty), SDG 3 (Good Health & Well-Being), SDG 12 (Responsible Consumption & Production), and SDG 13 (Climate Action) in the local community context.

29.8.2025**Mesyuarat Pemantauan RMK13 bersama Ketua Sekretariat**

MK13 Monitoring Meeting with Head of Secretariat

154



APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat bersama Ketua Sekretariat, Prof. Datuk Dr. Denison bagi membincangkan aspek pemantauan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Sesi ini menekankan kepentingan pemantauan yang teliti untuk memastikan keberkesanan dasar serta penyelarasan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Perbincangan ini membuka ruang kepada penambahbaikan strategi pelaksanaan dasar yang lebih inklusif, telus dan berkesan.

APPGM-SDG held a meeting with Head of Secretariat, Prof. Datuk Dr. Denison to discuss monitoring and implementation aspects of the 13th Malaysia Plan (RMK13). The discussion highlighted the importance of rigorous monitoring to ensure policy effectiveness and alignment with the Sustainable Development Goals (SDGs). The session provided valuable insights to strengthen strategies for more inclusive, transparent, and impactful policy delivery.

30.8.2025

Youth Legislative Cup 2025
Youth Legislative Cup 2025

155



Youth Legislative Cup 2025, inisiatif di bawah Parlimen Petaling Jaya, telah berjaya dianjurkan di Ruang Komuniti MySDG. Program ini turut dihadiri oleh Pegawai Khas kepada YB Petaling Jaya, Puan Fiza. Para peserta telah membentangkan cadangan dasar mereka di hadapan panel hakim dengan tema dasar pengangkutan di Malaysia. Sebanyak lapan kumpulan telah mengambil bahagian, memperlihatkan idea-idea segar dan berani untuk memperkuuh dasar mobiliti negara.

The Youth Legislative Cup 2025, an initiative under the Petaling Jaya Parliament, was successfully held at Ruang Komuniti MySDG and attended by Puan Fiza, Special Officer to the MP for Petaling Jaya. Participants delivered their policy pitches to a panel of judges on the theme of transportation policy in Malaysia. Eight groups took part, presenting bold and innovative ideas to strengthen the nation's mobility framework.




Tarikh Program

Programme Dates



1	Seminar Teori dan Metode Sosial Siri 2 dianjurkan oleh MySDG-CSI <i>Seminar on Social Theory and Methods Series 2 organised by MySDG-CSI</i>	23 September 2025 <i>23 September 2025</i>
2	Mesyuarat & Latihan Suku Tahunan Staf <i>Staff Quarterly Meeting & Training</i>	7-9 Oktober 2025 <i>7-9 October 2025</i>
3	Forum Menamatkan Kemiskinan – Suatu Kemungkinan atau Ilusi <i>Ending Poverty – A Possibility or an Illusion Forum</i>	17 Oktober 2025 <i>17 October 2025</i>
4	Pelancaran Laporan Pemetaan di Parlimen <i>Launch of Mapping Report at Parliament</i>	23 Oktober 2025 <i>23 October 2025</i>
5	Perasmian Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur <i>East Coast Zone MySDG Community Space Launch</i>	26 Oktober 2025 <i>26 October 2025</i>
6	Persidangan Tadbir Urus Negara 2025 <i>National Governance Conference 2025</i>	27-28 Oktober 2025 <i>27-28 October 2025</i>
7	Forum Ekonomi Sosial & Sektor Ketiga semasa ASEAN <i>Social Economy & Third Sector During ASEAN Forum</i>	29 Oktober 2025 <i>29 October 2025</i>
8	Majlis Pelancaran Buku “Redefining the Meaning and Impact of Development in Malaysia: The Search for a New Perspective through the Anthology of Fieldwork Research by APPGM-SDG” dan Sesi Panel <i>Launch of the Book “Redefining the Meaning and Impact of Development in Malaysia: The Search for a New Perspective through the Anthology of Fieldwork Research by APPGM-SDG” and Panel Session</i>	12 November 2025 <i>12 November 2025</i>
9	Perlancaran Laporan Polisi oleh Jabatan Advokasi Polisi Parlimen <i>Launch of Policy Report by Parliamentary Policy Advocacy Department</i>	25 November 2025 <i>25 November 2025</i>
10	Karnival Produk Rakan Solusi APPGM-SDG di Parlimen Malaysia anjuran Koperasi & Persatuan Rakan Solusi APPGM-SDG. <i>APPGM-SDG Solution Providers Product Carnival at the Parliament of Malaysia organised by the APPGM-SDG Solution Providers Cooperative & Association.</i>	3 Disember 2025 <i>3 December 2025</i>



**Penyelarasan
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek
Mikro SDGs**

**Pembangunan
Kapasiti**

**Advokasi Dasar
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar
Peringkat Daerah**

**Pemerkasaan
Belia**

**Akademi
MySDG**

**Pusat MySDG untuk
Rangkuman Sosial**

**Pusat MySDG untuk
Alam Sekitar &
Kemampunan**



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

📍 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

🔗 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN